



DUN Melaka bybar



- TYT setuju bubar DUN atas nasihat Ketua Menteri setelah 4 ADUN keluar kerajaan
 - SPR akan tentukan tarikh pilihan raya
 - Mat Hassan minta UMNO bersiap sedia
 - "Rampasan kuasa" gerakan yang terancang - sumber
 - KM jelas isu royalti pasir laut **MUKA 2,3,4,5**

Cadang warta Pulau Undan sebagai Taman Laut Negara

6


Menara Taming Sari kembali ‘hidup’

8

Zainal impi bawa Melaka ke final

24

Rumah Teres 2 Tingkat | Hak Milik Kekal



Rumah Mampu Milik

SCIENTEX
DURIAN TINGGAL

Jimat RM 7,000*

Harga daripada
RM 180K



06-553 0088
www.scientex.com.my

SCIENTEX HEIGHTS SDN. BHD.

SCIENTEX
quality & safety

Melaka bubar DUN, langkah 4 wakil rakyat memaksa pilihan raya

AYER KEROH – Dewan Undangan Negeri (DUN) Melaka dibubarakan 4 Okt lepas, membuka jalan kepada Pilihan Raya Negeri (PRN) ekoran kemelut politik setelah empat wakil rakyat kerajaan menarik sokongan.

Suasana politik di negeri ini menjadi panas minggu lepas, selepas bekas ADUN Sungai Udang Datuk Seri Utama Idris Haron dan tiga lagi ADUN membuat keputusan mengjut untuk tidak percaya kepada kepimpinan Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali.

Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) Datuk Seri Ab Rauf Yusoh mengumumkan Yang di-Pertua Negeri Tun Seri Setia Mohd Ali Mohd Rustam telah membuat pertimbangan serta bersetuju untuk membubarkan DUN Melaka Yang Ke-14 pada 4 Okt dan Proklamasi Pembubaran DUN diwartakan pada 5 Okt lepas.

Ini sekali gus manafikan usaha kumpulan pro-Idris untuk mengambil alih kerajaan negeri berdasarkan dakwaan kohnnya bahawa mereka mempunyai majoriti mudah di DUN yang mempunyai 28 kerusi. Kumpulan pro-Idris mendakwa mereka menguasai 15 daripada 28 kerusi DUN.

Ab Rauf berkata kini terpulang kepada pihak Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) untuk menetapkan tarikh pilihan raya.

Di sidang akbar berasingan, Ab Rauf yang juga Ketua UMNO Melaka, berkata UMNO bersedia untuk berhadapan dengan PRN.

Ab Rauf juga berkata, keahlian Idris dan ADUN Pantai Kundur dari-pada UMNO gugur secara automatik selepas mereka secara terbuka bersama parti pembangkang menumbangkan kerajaan.

"Apabila mereka menyatakan pada sidang media secara terbuka

bersama dengan parti pembangkang yang tidak bersama membentuk kerajaan, ia secara automatik akan tergugur hak sebagai ahli UMNO," katanya.

Ab Rauf turut menyifatkan empat ADUN yang beralih arah kepada Pakatan Harapan (PH) seperti serpihan duri yang keluar daripada daging.

"Kalau mereka nak jadi duri, terserah kepada mereka, tetapi hari ini terbukti mereka benar-benar sudah jadi duri kepada daging yang dihidangkan kepada mereka," katanya.

Idris mengkritik Ab Rauf yang kohnnya mencampuri pentadbiran kerajaan negeri di bawah Sulaiman.

"Sebaliknya saya dan tiga ADUN lain membuat keputusan ini kerana tiada kesepakatan dalam pengurusan pentadbiran kerana adanya campur tangan pihak luar. Mana boleh ada 'dua singa dalam satu gunung',"

katanya.

Ketua Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU) Melaka, Datuk Wira Mohd Rafiq Naizamohideen berkata keahlian bekas ADUN Telok Mas, Datuk Noor Effandi Ahmad tergugur secara automatik dalam BERSATU susulan tindakannya menyokong pembangkang.

"Kalau ikut perlombagaan BERSATU, sama sahaja parti lain yang mana jika pemimpin membuat ketetapan bertentangan dasar parti dan bekerjasama dengan Pakatan Harapan (PH), keahliannya tergugur.

Pengerusi PH Melaka Adly Zahari berkata tindakan PH negeri membawa isu pembubaran Dewan Undangan Negeri (DUN) Melaka Ke-14 ke mahkamah, bukan memper-

tikaikan kuasa Tun Mohd Ali.

Adly berkata, sebaliknya langkah berkenaan diambil bagi membolehkan pihak berkaitan melakukan semakan mengenai proses dan fakta yang ada.

"Langkah membawa isu pembubaran DUN Melaka ke mahkamah bukanlah bermakna mempertikaikan kuasa Yang di-Pertua Negeri, kerana ia selaras peruntukan Perkara 19(2) Perlombagaan Melaka."

Pada Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14) yang lalu (2018), Barisan Nasional (BN) tewas kepada PH, namun pada Mac tahun lepas, Melaka diterajui Perikatan Nasional, yang disertai ADUN UMNO, BERSATU dan Bebas dengan majoriti 17 daripada 28 kerusi DUN.



AB Rauf (kanan) ketika menyerahkan Proklamasi Pembubaran DUN Melaka Yang Keempat Belas kepada Pengarah SPR Melaka, Rudy Rohan Johan @ Ganesan sambil disaksikan Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Ts. Kamel Mohamad (tengah) selepas sidang media khas di Seri Negeri, pada 5 Okt lepas.

Idris, 3 lagi ADUN tarik sokongan

Muhd Rizanizam

BANDARAYA MELAKA – Empat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) kerajaan pada 4 Okt lalu mengumumkan mereka sudah hilang kepercayaan terhadap kepimpinan Ketua Menteri, Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali.

Mereka adalah Datuk Seri Utama Idris Haron, Datuk Nor Azman Hassan,

Datuk Norhizam Hassan Baktee dan Datuk Noor Effandi Ahmad.

Pengumuman itu diketuai Idris bersama mereka dalam satu sidang media tergempar di sebuah hotel di Jalan Hang Tuah di sini.

"Saya Idris Haron, bersama-sama rakan-rakan, Datuk Nor Azman, Datuk Norhizam, Datuk Noor Effandi mengumumkan telah hilang keper-

cayaan kepada Yang Amat Berhormat Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali dan seluruh kepimpinan kerajaan negeri.

"Kami berempat telah serah surat ketidakpercayaan kami dan menarik balik sokongan kepada Datuk Seri Utama Sulaiman yang telah dihantar ke Pejabat Ketua Menteri pagi tadi (4 Okt)," katanya.

Dengan ini, kerajaan negeri di bawah pimpinan

Sulaiman hanya mempunyai 13 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Melaka berbanding Pakatan Harapan yang memiliki 11 kerusi.

DUN mempunyai 28 kerusi dengan 14 kerusi dipegang Barisan Nasional (BN), Bersatu (2), DAP (7), PKR (2), Amanah (2) dan Bebas (1).

Ini bermakna Sulaiman tidak lagi mempunyai majoriti mudah di DUN.

'Harap-harap tak celakalah yang datang' - Tok Mat

MASJID TANAH – UMNO berharap situasi politik yang berlaku di Melaka sehingga mengakibatkan Pilihan Raya Negeri (PRN) tidak mendatangkan musibah kepada parti dan negara.

Timbalan Presiden UMNO Datuk Seri Mohamad Hassan berkata, apa yang telah berlaku di Melaka tidak sepatutnya berlaku dan diibaratkan seperti 'nasi sudah menjadi bubur'.

"Macam saya katakan benda ini (PRN) tak patut berlaku, tapi dah nasi jadi bubur telan sahajalah. Ini tak patut jadi pada awalnya, jadi bersiap sedia sahajalah."

"Ini kehendak hati masing-masing inilah yang akan kita hadapi. Orang tua-tua kata, muafakat



MOHAMAD

punca selamat, sengketa punca celaka.

"Sengketa kita inilah dia, harapkan tak celakalah yang datang, ini kata orang Negeri Sembilan," katanya.

Beliau yang juga Pengarah Pilihan Raya UMNO berkata demikian selepas memberikan kata-kata semangat kepada pimpinan Badan

Perhubungan UMNO Melaka di sini pada 5 Okt lepas.

Hadir sama, Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali dan Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN), Datuk Seri Ab Rauf Yusoh.

Turut hadir Ketua Wanita UMNO Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad dan Ketua Pemuda UMNO Datuk Dr. Asyraf Wajdi Dusuki.

WAKTU SOLAT

	SUBUH	SYURUK	ZOHOR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
11 OKTOBER 2021	5.48 am	6.56 am	1.00 pm	4.14 pm	7.01 pm	8.11 pm
12 OKTOBER 2021	5.48 am	6.56 am	1.00 pm	4.14 pm	7.01 pm	8.10 pm
13 OKTOBER 2021	5.47 am	6.56 am	1.00 pm	4.14 pm	7.01 pm	8.10 pm
14 OKTOBER 2021	5.47 am	6.56 am	1.00 pm	4.14 pm	7.01 pm	8.10 pm
15 OKTOBER 2021	5.47 am	6.55 am	12.59 pm	4.14 pm	7.00 pm	8.10 pm
16 OKTOBER 2021	5.47 am	6.55 am	12.59 pm	4.14 pm	7.00 pm	8.10 pm
17 OKTOBER 2021	5.46 am	6.55 am	12.59 pm	4.15 pm	7.00 pm	8.09 pm

Surat nasihat bubar DUN dibuat ketika masih KM – Sulaiman



Faiz Hasan

BATU BERENDAM – Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali menegaskan beliau masih memegang jawatan Ketua Menteri ketika menghantar surat nasihat kepada Yang di-Pertua Negeri Tun Seri Setia Mohd Ali Mohd Rustam bagi membubarkan

Dewan Undangan Negeri (DUN) Melaka.

Beliau berkata, dakwaan seseorang pihak bahawa surat nasihat pembubarannya itu tidak mengikut lunas undang-undang adalah tidak benar memandangkan ia dibuat mengikut peraturan yang sewajarnya.

"Apa yang saya ingin maklum bahawa surat saya kepada Tun (Mohd Ali) adalah ketika saya masih lagi CM (Ketua Menteri) of The Day. Jadi saya serah kepada Tun (Mohd

Ali) dan terpulanglah kepada kuasa Tun (Mohd Ali) itu sahaja.

"Semua tohmahan itu saya menafikan dan serahkan kepada perundangan. Jika tidak berpuas hati, pergilah kepada pihak berkenaan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menunaikan solat Jumaat di Masjid Nurul Hidayah, di sini, pada 8 Okt lepas.

Hadir sama, Ketua UMNO Bahagian Hang Tuah Jaya, Datuk Mohd Ridhwan Mohd Ali serta bekas Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Ayer Molek, Datuk Rahmad Mariman.

Sementara itu, Sulaiman menyerahkan kepada rakyat menentukan penyelesaian polemik politik di Melaka setelah beliau hilang kepercayaan dalam memimpin negeri ini.

Menurutnya, beliau akur dengan situasi politik yang tidak nampak titik penyelesaian biarpun surat permohonan Pembubarannya itu telah diserahkan kepada Tun Seri Setia Mohd Ali.

"Apa boleh saya buat apabila dalam kalangan rakan-rakan saya yang keluar dan hilang kepercayaan kepada saya?

"Namun tidak mengapa, jawatan ini adalah sementara, 'people come and go' (orang datang dan pergi), jadi seeloknya kita serahkan kepada rakyat sebaik pembubarannya telah dibuat.

"Saya hanya menjalankan tugas saya dan nampak tidak ada jalan penyelesaian. Jadi eloklah masing-masing kalau kata kita boleh berkhidmat inilah masa yang terbaik kita semua serah balik mandat kepada rakyat," katanya.

"Rampasan kuasa" Idris satu gerakan terancang - Sumber

TANGGA BATU - Cubaan "rampasan kuasa" oleh bekas ADUN Sungai Udang Datuk Seri Utama Idris Haron merupakan satu gerakan kotor yang telah lama dirancang, menurut sumber-sumber parti UMNO.

Usaha sebelum ini adalah apabila beliau mahu menggunakan sidang Dewan Undangan Negeri bulan lalu untuk membawa usul tidak percaya kepada kepemimpinan Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali.

Bagaimanapun, komplot beliau gagal setelah penyokong No.1 beliau, ADUN Pantai Kundor Datuk Nor Azman Hassan, tidak dapat hadir secara fizikal di sidang DUN kerana dijangkiti penyakit



MENURUT sumber, cubaan "rampasan kuasa" oleh Idris (dua kiri) bersama tiga lagi penyokongnya sudah lama dirancang.

COVID-19.

Dua lagi penyokong be-

liau, bagaimanapun, hadir, tetapi Idris pada masa itu tidak

mempunyai jumlah kerusi yang cukup untuk mencapai

misi beliau.

"Kita dah bau benda ini, ada gerakan yang dirancang," kata sumber itu.

Sumber itu berkata Idris, sebagai "coup leader", kemudian secara sulit membuat tawaran kepada kepimpinan Pakatan Harapan (PH) untuk menjatuhkan kerajaan Perikatan Nasional (PN) melalui akuan sumpah (SD) oleh semua 11 ADUN PH dan 4 ADUN dalam pasukan Idris.

Menurut perancangan beliau, "rampasan kuasa" tersebut sepatutnya berlaku pada 30 Sept lalu.

Bagaimanapun, beliau meletakkan syarat utama, iaitu beliau mesti dilantik menjadi ketua menteri di bawah kerajaan PH dan PH Plus.

Tetapi DAP dengan keras menolak syarat tersebut dan sebaliknya mahu jawatan ketua menteri diambil alih oleh Adly Zahari, yang juga ketua menteri semasa pentadbiran PH.

Serangan Idris terhadap Datuk Seri Ab Rauf Yusoh dan Sulaiman sebenarnya untuk mengalih perhatian pengundi daripada kegagalan beliau untuk mendapat sokongan bulat daripada PH.

Langkah segera Sulaiman untuk menasihati Yang di-Pertua Negeri Tun Seri Setia Mohd Ali Mohd Rustam semasa beliau masih memegang jawatan Ketua Menteri telah juga mengagalkan komplot Idris untuk membentuk kerajaan yang kononnya akan dipimpin oleh beliau.

KM jelaskan isu royalti pengeluaran pasir laut

Berikut adalah penjelasan Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali mengenai isu royalti pengeluaran pasir laut.

BAGI permohonan dan kelulusan pengeluaran pasir laut bagi kawasan melebihi 3 batu nautika ke pantai, adalah di bawah bidang kuasa Persekutuan melalui Jabatan Ketua Pengetahuan Tanah dan Galian (JKPTG).

Manakala kawasan yang kurang dari 3 batu nautika ke pantai itu di

bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri melalui Pejabat Tanah dan Galian.

Jadi, bagi bayaran royalti untuk pengeluaran pasir ni dia ada dua jenis bayaran yang dikenakan bagi tujuan pengeluaran pasir. Bermakna pasir melebihi 3 batu nautika bukan kita. Dia mesti dapat kelulusan Federal JKPTG."

"Ada dua jenis bayaran. Bayaran pertama mengikut jumlah pasir yang diluarkan mengikut kadar yang ditetapkan dalam Kaedah Tanah Melaka ataupun Kanun Tanah Negara.

"Oleh itu, hasil ini disalurkan kepada Kerajaan Persekutuan atau kawasan melebihi 3 batu nautika tu atau kerajaan negeri untuk kawasan kurang di bawah 3 batu nautika bermakna, nak sedut pasir nak tambak yang itu bawah Kerajaan Persekutuan.

"Yang di bawah 3 nautika, di bawah kerajaan negeri. Sehingga hari ini untuk

negeri, kita tak benarkan untuk kerajaan pegorekan pasir sebab berlaku hakisan pantai. Itu kita tak benarkan.

"Kemudian bayaran royalti pasir yang dikenakan kepada syarikat yang mendapat konsesi tambak laut ini, mengikut keluasan yang diluluskan seperti mana yang dinyatakan dalam perjanjian dan hasil ini akan disalurkan kepada kerajaan negeri.

"Sejak 2020, bayaran ini telah disatukan dengan bayaran lain yang dikenakan kepada syarikat konsesi tambak laut dan dinamakan bayaran pembang-

unan negeri."

"Jadi tidak timbul dakwaan menyatakan kerajaan tidak mengutip bayaran royalti pasir sekukunya."

"Melaka ni daripada zaman Datuk Setia Ghani Ali dulu, kerja-kerja penambakan laut ini sudah pun bermula."

"Sehingga hari ini, lebih 10,000 ekar tanah yang telah diberikan konsesi (sejak dahulu lagi) untuk kerja-kerja tambak. Yang ditambah baru 3,000 ekar. Yang diusahakan, lebih kurang dalam 300 ekar."

Tempoh seminggu kosongkan semua JAPERUN

Mohamad Fazrul Abdul Majid

TANGGA BATU – Kesemua bangunan Jawatankuasa Pembangunan dan Penyelarasan Dewan Undangan Negeri (JAPERUN) di negeri ini diberi tempoh masa seminggu untuk dikosongkan.

Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali berkata, ia susulan sudah tiada lagi wakil rakyat kawasan selepas Dewan Undangan Negeri (DUN) Melaka dibubarakan.

Katanya, perkara sama turut dipraktikkan di bawah pentadbiran Pakatan Harapan dahulu yang apabila tumbang sahaja ia perlu diserahkan kepada kerajaan semula.

"Mereka ini (JAPERUN) bukanlah disuruh keluar serta-merta tetapi kesemua mereka diberi tempoh masa seminggu untuk dikosongkan, tidak kiralah dari pihak mana sekali pun."

"Jadi mereka diberi masa untuk mengosongkan barang-barang peribadi mereka, cuma saya minta yang hak kerajaan itu ditinggalkanlah," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas menyempurnakan simbolik penyerahan rumah baharu kepada enam beradik yatim piatu, di sini, pada 9 Okt lepas.

Mengulas lanjut, Sulaiman berkata, sekiranya setiap JAPERUN memerlukan tempoh masa lebih lama untuk dikosongkan, mereka bolehlah mendapatkan budi bicara Pejabat Daerah dan Tanah (PDT).

"Ya, semua JAPERUN perlu diserah kepada pejabat daerah dan ia akan diselenggara oleh penghulu kawasan.

"Kalau seminggu tidak cukup untuk mengosongkan, boleh dapat budi bicara dari pejabat tanah," katanya lagi.



SULAIMAN (tengah) diiringi Mufti Melaka Datuk Wira Abdul Halim Tawil (kiri) dan Timbalan Pengerusi Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) Datuk Wira Md Rawi Mahmud bergambar bersama enam beradik yatim piatu selepas menyerahkan rumah baharu kepada mereka di Tangga Batu Pekan pada 9 Okt lepas.

'Norhizam, pulangkanlah kenderaan rasmi kerajaan' – Sulaiman

"DIA sendiri yang letak jawatan dan tidak lagi bersama kerajaan (sementara) sekarang, jadi dia bukan lagi EXCO Kerajaan Negeri dan perlu memulangkan segala kemudahan sebelum ini.

Itu kata Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali berhubung isu yang dibangkitkan bekas Exco Pertanian yang juga bekas Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pengkalan Batu, Datuk Norhizam Hassan Baktee kerana enggan memulangkan semula kenderaan rasmi dan ke-

mudahan kerajaan.

Sulaiman berkata, tiada isu yang perlu timbul untuk pihaknya bersama Exco-exco lain memulangkan semula kemudahan itu kerana sehingga kini kerajaan sementara masih lagi berfungsi.

Justeru, jelasnya hanya tiga EXCO yang meletak jawatan sahaja perlu memulangkan kemudahan itu kerana kesemua mereka telah menghantar surat letak jawatan serta-merta

pada 4 Okt lalu.

"Datuk Norhizam, semua kereta adalah milik kerajaan dan perlu dipulangkan kepada Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK)."

"Mereka sendiri yang menghantar surat letak jawatan kepada saya dan Tuan Yang Terutama Tun Seri Setia Mohd Ali Mohd Rustam sebelum ini."

"Jadi, segala kemudahan dan hak-hak kerajaan perlulah dipulangkan balik kerana

mereka tidak lagi bersama kerajaan yang ada sekarang," katanya.

Mengulas lanjut, Sulaiman berkata, sekiranya beliau tidak lagi menjadi kerajaan sementara (caretaker) selepas ini, pihaknya tidak ada masalah untuk memulangkan segala kemudahan yang ada.

"Saya (sekarang ini) cuma caretaker sahaja. Kalau caretaker sudah tidak ada dan minta saya untuk turun, saya tiada masalah," katanya.

'Saya jamin segala perancangan pembangunan diteruskan' – Kamel

SERI NEGERI – Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Ts. Kamel Mohamad memberi jaminan segala perancangan pembangunan yang telah diluluskan oleh kerajaan negeri akan terus dilaksanakan.

Menurutnya perkhidmatan awam di negeri ini tidak akan tersesat dengan situasi semasa negeri dalam memastikan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat sentiasa berada pada tahap terbaik.

"Malah, semua jabatan dan agensi kerajaan di negeri ini diarah terus meningkatkan kecekapan dan produktiviti dalam penyampaian perkhidmatan.

"Ini termasuklah memberi keutamaan kepada kesejahteraan rakyat serta merancakkan pertumbuhan ekonomi negeri Melaka," katanya dalam satu kenyataan

pada 8 Okt lalu.

Berhubung laporan akhbar mengenai dakwaan bekas Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) tidak dilayan dengan adil, Kamel berkata, beliau akan memastikan semua penjawat awam Melaka pada setiap masa bekerja dengan tanggungjawab.

"Selain itu mereka perlu berkhidmat dengan penuh muhibbah dan kemesraan seperti ikrar perkhidmatan awam.

"Saya juga sentiasa mengingatkan semua ketua jabatan di negeri ini agar segala keputusan dibuat secara profesional dan mematuhi peruntukan undang-undang, serta peraturan dan pekeliling yang sedang berkuatkuasa," katanya.

Kamel berkata perkhidmatan awam di negeri ini juga komited mendukung konsep '*neutrality*



KAMEL

and goverment of the day sebagai jentera yang akan melaksanakan segala dasar yang diputuskan kepimpinan tertinggi negeri dan negara.

Perancangan Belanjawan 2022 ditangguhkan

Faiz Hasan

BATU BERENDAM – Melaka terpaksa menangguhkan pembentangan bagi merancang aspek Belanjawan 2022 negeri berikutkan kemelut politik melanda ketika ini.

Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali menjelaskan, sebelum ini pihak kewangan negeri sudah bersedia untuk melaksanakan pembentangan pada minggu lepas, namun terpaksa ditangguhkan.

"Sepatutnya pada minggu lepas bahagian kewangan sudah bersedia nak bentangkan, cuma tinggal lagi dalam keadaan yang sedikit kelam kabut tempoh hari, maka pembentangan itu terpaksa ditangguhkan," katanya kepada

pemberita selepas solat Jumaat di Masjid Nurul Hidayah, di sini hari ini.

Hadir sama, Exco Kesihatan Datuk Rahmad Mariman dan Ketua UMNO Bahagian Hang Tuah Jaya Datuk Mohd Ridhwan Mohd Ali.

Terdahulu, Sulaiman menerusi laman Facebooknya mengalaukan rakyat negeri ini berkongsi pandangan dan syor untuk input belanjawan terbabit.

Beliau menyatakan Belanjawan 2022 memerlukan pendapat rakyat yang menjadi nadi dan kunci kemakmuran Negeri Melaka bagi merealisasikan 'Bajet Rakyat' yang benar-benar inklusif, selaras dengan Pelan Strategik Melakaku Maju Jaya 2035 (PSMJ 2035).

Royalti pasir

SPRM sahkan ambil maklumat, lihat dokumen dari Idris

BUKIT PALAH - Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah mengambil beberapa maklumat dan melihat dokumen berkaitan isu royalti pasir daripada bekas Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Udang, Datuk Seri Idris Haron pada 7 Okt lalu.

Pengarah SPRM Melaka Mohd Shahril Che Saad berkata, perjumpaan selama dua jam bermula 3 petang itu dibuat di sebuah lokasi di Melaka.

"Saya mengesahkan kita dah berjumpa beliau (Idris) dan mengambil beberapa maklumat

secara lisan dan melihat dokumen.

"Maklumat telah dihantar ke Ibu Pejabat SPRM untuk dianalisa dan diperincikan bagi tindakan lanjut," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui media pada Solat Jumaat Sempena Sambutan Ulang Tahun BPR/SPRM Ke 54 bertemakan 'Semarakkan Integriti, Rasuah Diperangi' di Masjid Al Azim di sini.

Pada 7 Okt lepas, SPRM dalam satu kenyataan memberitahu memandang serius dakwaan Idris berhubung isu membolot projek

ekonomi dan menipu Kerajaan Persekutuan berkaitan royalti pasir di Melaka.

Sehubungan itu, badan pencegahan rasuah itu meminta mana-mana pihak yang memiliki maklumat atau bukti salah laku rasuah dan penyelewengan berhubung isu berkenaan diminta tampil untuk memberi kerjasama.

SPRM juga akan menghantar pegawai untuk mengadakan perjumpaan dengan Idris bagi mendapatkan maklumat lanjut berhubung isu tersebut.



MOHD Shahril

Pembubaran DUN Melaka - Kronologi

► 20-23 Sept

- Dewan Undangan Negeri Melaka bersidang buat pertama kali tahun ini. ADUN Pantai Kundor Datuk Nor Azman Hassan, orang kuat Datuk Seri Utama Idris Haron, tidak hadir secara fizikal sebab sakit COVID-19. Beliau hadir secara maya tetapi tidak dibenarkan mengundi.

► JUMAAT, 1 OKT

- Timbul desas-desus tentang Idris dan tiga lagi wakil rakyat yang menyokong beliau merancang melompat dari kerajaan Perikatan Nasional (PN) kepada Pakatan Harapan (PH). Kononnya keempat-empat ADUN itu sudah menandatangani akuan bersumpah (SD).

► SABTU, 2 OKT

- Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali muncul di satu majlis dan memberitahu wartawan bahawa kerajaan negeri berjalan seperti biasa.

► ISNIN, 4 OKT

- 10 PAGI - Pegawai daripada pejabat Idris berada di Pejabat Ketua Menteri untuk menyerah surat perletakan jawatan Idris dan dua lagi Datuk Norhizam Hassan Baktee dan Datuk Noor Effandi Ahmad sebagai Exco kerajaan negeri dengan serta merta dan menarik kepercayaan terhadap Ketua Menteri.

1 PETANG - Idris, Nor Azman, Norhizam dan Noor Effandi muncul di satu sidang akbar di Hotel La Crista di Jalan Hang Tuah dan mengumumkan kesemu mereka telah hilang kepercayaan kepada Sulaiman dan tidak lagi menyokong kerajaan PN.

5.30 PETANG - Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Melaka Datuk Seri Ab Rauf Yusoh mengadakan sidang

akhbar mengejut di kediaman beliau di Masjid Tanah.

- Katanya, UMNO Melaka menyuruh kepada kebijaksanaan Yang di-Pertua Negeri Tun Seri Setia Mohd Ali Mohd Rustam untuk meleraikan masalah kekalutan politik negeri. Katanya UMNO bersedia sekiranya Pilihan Raya Negeri (PRN) diadakan.

- Di sidang akbar yang sama, Sulaiman melahirkan rasa kecewa dengan kemelut politik yang berlaku di Melaka.
- PH Melaka pula mahu mengadakan pertemuan dengan Mohd Ali dalam tempoh terdekat bagi menghantar surat memaklumkan kerajaan negeri Melaka di bawah pimpinan Sulaiman telah hilang majoriti.

- Setiausaha Khas Yang di-Pertua Negeri Melaka, Datuk Nur Azmi Ahmad berkata Istana Melaka belum menerima surat daripada mana-mana parti politik untuk mengadakan pertemuan dengan Mohd Ali berhubung dakwaan kerajaan negeri sedia ada telah hilang majoriti untuk mentadbir negeri itu, selain memaklumkan Mohd Ali sedang menjalani kuarantin kendiri selama dua minggu bermula 30 Sept lepas kerana menjadi kontak rapat kepada individu positif COVID-19.

► SELASA, 5 OKT

- Speaker DUN Melaka Datuk Seri Ab Rauf Yusoh berkata Tun Mohd Ali telah membuat pertimbangan dan bersetuju untuk membubarkan DUN pada 4 Okt susulan nasihat daripada Sulaiman bagi memberi laluan kepada PRN diadakan.
- Nur Azmi memaklumkan tiada sebarang kunjungan hormat ke atas Mohd Ali boleh dilakukan oleh mana-mana wakil parti politik hingga 7 Okt

kerana tempoh kuarantin beliau berakhir pada hari tersebut.

- Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata beliau mengambil maklum kebimbangan rakyat berhubung risiko penularan COVID-19 sekiranya PRN Melaka diadakan.

- Pengerusi PN Melaka Datuk Mohd Rafiq Naizamohideen memaklumkan gabungan parti itu sedia berunding dengan UMNO negeri itu bagi mengelakkan pertembungan tiga penjuru pada PRN akan datang.

- Idris dan geng-geng beliau mendakwa terdapat campur tangan individu tertentu sehingga menyebabkan barisan Exco tidak dapat menjalankan peranan dan fungsi mereka kepada rakyat.

- Ahmad Zahid berkata ADUN daripada UMNO yang telah mengkhianati kerajaan Melaka pimpinan Barisan Nasional (BN) akan dipecat.

- Penolong Setiausaha Organisasi Kebangsaan Jawatankuasa Tertinggi Pusat (CEC) DAP Khoo Poay Tiong berkata PRN akan menjelaskan proses pemulihan negara yang sedang beransur pulih daripada pandemik COVID-19.

- Setiausaha SPR Datuk Ikmalrudin Ishak berkata suruhanjaya itu telah menerima pemakluman rasmi berhubung pembubaran DUN Melaka pada 4 Okt itu daripada Speaker DUN Melaka.

- Timbalan Presiden UMNO Datuk Seri Mohamad Hasan, yang juga Penggarah Pilihan Raya, mengadakan pertemuan dengan semua Ketua Bahagian dan Wakil Rakyat UMNO Melaka di Masjid Tanah.

- Beliau berkata UMNO masih belum memutuskan sama ada akan bekerja-

sama dengan mana-mana parti atau bertanding bersendirian pada PRN Melaka.

► RABU, 6 OKT

- PH mengambil pendirian Tun Seri Setia Mohd Ali sepatutnya meneliti dan mengikuti Perlembagaan Negeri Melaka sebelum membubarkan Dewan Undangan Negeri (DUN).

- Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata PH sedia menghadapi PRN Melaka

- Ab Rauf berkata tindakan empat bekas ADUN yang keluar parti merupakan agenda terancang.

► KHAMIS, 7 OKT

- Ab Rauf berkata UMNO akur sekiranya pucuk pimpinan tertinggi parti memutuskan untuk tidak bekerjasama dengan Bersatu pada PRN Melaka.

- Norhizam mendakwa penutupan empat JAPERUN sebagai tidak adil.

- Idris berkata tidak ada tawaran dari Anwar serta PKR.

► JUMAAT, 8 OKT

- PH mendakwa belum menerima sebarang panggilan bagi bertemu dengan TYT.

- PH akan fail semakan perbubaran DUN Melaka minggu depan.

- SPRM sahkan akan ambil maklumat, dokumen berkaitan royalti pasir dari Idris

- Sulaiman berkata, beliau masih Ketua Menteri ketika surat nasihat bubar DUN Melaka dihantar.

Tiga pulau di Melaka bakal diwarta Taman Laut Negara



PULAU Undan menjadi antara tiga buah pulau di Melaka yang bakal diwarta sebagai Taman Laut Negara.



AHMAD

Mohamad Fazrul Abdul Majid

TELOK MAS – Tiga buah pulau di Melaka dicadang untuk diwartakan sebagai Taman Laut Negara yang terbaru di negara ini.

Timbalan Menteri Pertanian Dan Industri Makanan 1, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata, tiga pulau itu ialah Pulau Undan, Pulau Dodol dan Pulau Nangka.

Katanya, ia sekali gus bakal menjadi taman laut pertama diwartakan di Melaka dan berdiri setanding 42 buah taman laut lain yang ada di seluruh negara.

Jelasnya, proses perwartaan itu bagaimanapun hanya melibatkan radius 1 batu nautika (dari pantai ke laut) di setiap pulau dan tidak merangkumi kawasan daratan.

"Pemilihan tiga pulau ini adalah berikutan kawasan ini mempunyai ekosistem terumbu karang yang baik, termasuk daripada spesies karang yang terdedah kepada kepupusan.

"Insya-Allah apabila ia diwartakan ia bakal memberi limpahan ekonomi khususnya kepada nelayan dan sektor pelancongan memandangkan zon scuba diving dan snorkeling bakal diperkenalkan di kawasan itu.

"Yang paling penting, melalui perwartaan taman laut ini ia dapat menjadi

habitat perlindungan dan pembiakan ikan, sekali gus menjaga kelestarian ekosistem sektor perikanan di negeri ini," katanya.

Beliau berkata demikian selepas mengadakan lawatan kerja ke Pulau Undan, pada 2 Okt lalu.

Hadir sama, Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) Datuk Haslina Abdul Hamid, Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Ts. Kamel Mohamad.

Lawatan itu turut disertai, Ketua Pengarah Jabatan Perikanan Malaysia Ahmad Tarmidzi Ramly, Pengarah Perikanan Negeri Melaka Mohd Fauzi Salehong dan kenamaan-kenamaan lain.

Mengulas lanjut, Ahmad berkata, sejurus ketiga-tiga pulau itu diwartakan sebagai taman laut, segala aktiviti perikanan seperti memasang pukat dan memancing adalah tidak dibenarkan sama sekali.

Ia dilakukan bagi melindungi kawasan terumbu karang sedia ada dan juga terumbu karang baharu yang akan ditambah menerusi peruntukan RM110,000 yang telah disalurkan kepada Jabatan Perikanan Negeri Melaka untuk tahun ini.

Tiga pulau akan diangkat sebagai produk pelancongan Melaka

Faiz Hasan

TANJUNG BIDARA – Tiga pulau yang dicadang untuk diwartakan sebagai Taman Laut Negara, akan diangkat sebagai produk baharu pelancongan Melaka.

Ketua Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali berkata, setakat ini cadangan itu dalam peringkat pelaksanaan bagi menyelaras dan merangka beberapa kaedah yang perlu diambil oleh Unit Perancangan Ekonomi Negeri (UPEN).


Jelasnya, beberapa kajian akan dijalankan agensi terlibat termasuk Jabatan Perikanan, bagi mewartakan Pulau Undan, Pulau Nangka dan Pulau Dodol untuk diangkat sebagai Taman Laut Negara.

"Kesemua agensi berkaitan akan terus menjalankan kerja-kerja menyelaras dengan kajian akan dijalankan agar kita dapat merancang bagaimana untuk memajukan kawasan ini."

"Apabila ia menerima persetujuan dan kelulusan dari pelbagai agensi, kita yakin Melaka mampu merekodkan sebuah lagi produk baharu pelancongan yang mampu menggantikan pelancong untuk berkunjung ke pulau-pulau tersebut."

"Kita dapat spesies ikan dan korang (terumbu karang) terdapat di kawasan terbabit merekodkan antara hidupan yang ada seperti di taman laut di negara ini dan ini diyakini akan memberi potensi terhadap pelbagai aktiviti pelancongan boleh dibuka di tiga pulau terbabit," katanya.

Beliau berkata demikian kepada MHI selepas melakukan lawatan Ziarah Kasih di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Kuala Linggi dan Tanjung Bidara, pada 3 Okt lalu.



SULAIMAN

Pelancongan Melaka diteruskan – Saari

Liana Sahabudin

AYER KEROH – Biarpun kemelut politik melanda Negeri Melaka, namun sektor pelancongan negeri perlu diteruskan dan bukannya menjadi medan pergilakan politik.

Pengurus Besar Bahagian Promosi Pelancongan (BPP) negeri Saari Basiron berkata, pergilakan itu tidak perlu dicampur adukkan dengan sektor pelancongan Melaka memandangkan negeri ini baharu kembali 'bernafas'.

"Bagi saya ada kebaikan dan keburukan, kita kalau boleh mahukan satu situasi yang gerenti selamat juga, tapi kita tahu ada pergilakan politik dan sebagainya."

"Bagi saya kita jalan kerja macam biasa,

kita memang mengharapkan orang datang Melaka, kalau boleh kita tak nak sentuh pasal politik," katanya kepada MHI.

Katanya mengharapkan Kerajaan Persekutuan mempercepatkan kebenaran merentas negeri selepas negara mencapai 90 peratus kadar vaksinasi yang lengkap dua dos.

"Sektor pelancongan berjalan seperti biasa dan kita harapkan rentas negeri akan diumumkan tidak lama lagi bila kita dah mencapai 90 peratus dewasa."

"Kami bersedia untuk menerima pelancong dengan prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan, tiada masalah untuk pelancong datang melancong ke Melaka selagi ikut SOP," katanya.



SAARI

MELAKA HARI INI

NO.TEL : 06 - 251 9314,
06 - 251 9315
FAX : 06 - 251 9316

PENGARANG KANAN
MUHD RIZANIZAM
ABDUL HAMID
mrizanizam@gmail.com

PENGARANG
MOHD HAMZATUL
AKMAR MD ZAKARIA
yondalme87@
melakaharlini.my

PENGARANG DIGITAL
MEOR RIDUWAN
meor7riduwani@gmail.com

JURUFOTO KANAN
AZREN JAMALUDIN
m.azren86@gmail.com

WARTAWAN

LIANA SAHABUDIN
liyarn50@melakaharlini.my

MOHD FAZRUL
ABDUL MAJID
fazrul@melakaharlini.my

MOHD FAIZ ABU HASAN
faizhasan@melakaharlini.my

FARAH SUHAIDAH
OTHMAN
farahothman@melakaharlini.my

REKABENTUK & GRAFIK

AMBRAN MOHAMED
ambran@melakaharlini.my

MIMIE AZURA
ABU BAKAR
mimieazura1981@
melakaharlini.my

ZUL RAHIMI RAMLI
mk7.zul@melakaharlini.my

PEMASARAN

PENGURUS
MUHAMMAD HAMZI
ROSMANI
amz@melakaharlini.my
018 - 329 9936

UNIT MEDIA SOSIAL

EKSEKUTIF
IZAIDA RAIHANAH IDRIS
lizaikhann363@gmail.com

SHARIFAH NORHALIDAH
SYED KHAIDZIR
khaldizir@melakaharlini.my

MELAKA TV

KETUA
ASHALIA YUSOF
ashaliayusof@melakaharlini.my

WARTAWAN PENYIARAN
MOHAMAD FARIS HAikal
farishakhal.zakaria@
melakaharlini.my

PENYUNTING VIDEO
RABIAH OSMAN
osmanrabiah@melakaharlini.my

JURUKAMERA
ISMAIL IBRAHIM
dakmail92@melakaharlini.my

AUFA IZZATI
AHMAD ZAILANI
aufalizzati99@melakaharlini.my

AMIRUL RAMLI
amirul@melakaharlini.my



KETUA Menteri Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali (kiri) ketika melawat Rahim Bini, 62, yang terlantar kerana lumpuh akibat kemalangan, dalam sesi Ziarah Kasih di Felda Bukit Bulat, Alor Gajah pada 9 Okt lepas.



DAK MAT

PRN atau darurat?

TIDAK dapat tidak, tumpuan rakyat kini pada polemik politik hingga tumbangnya kerajaan Negeri Melaka pimpinan 'Tok Leman' yang berusia 19 bulan.

Mungkin, persoalan yang berlebar kalangan rakyat sama ada pilihan raya negeri (PRN) diteruskan atau darurat diisytiharkan selepas DUN Melaka dibubarkan 4 Okt lalu.

Ramai kata PRN wajar ditangguhkan sebab pandemik COVID-19 dan mahu perkara itu dipandang serius oleh kerajaan dan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).

Datuk Seri Mohamad Hasan selaku Pengarah Pilihan Raya UMNO juga senada dan melontarkan persoalan adakah PRN lebih penting daripada kesihatan rakyat?

Jika ada peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang untuk menangguhkan PRN, ia wajar digunakan, katanya.

Mat juga baca banyak pandangan menyokong PRN bagi memberi mandat semula kepada rakyat menentukan penyelesaian polemik politik secara demokratik.

Setakat ini Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob memaklumkan Kabinet akan buat keputusan dalam masa terdekat.

Jadi Mat harap Kabinet membuat keputusan yang memberi kelegaan buat rakyat Melaka dan umumnya rakyat Malaysia yang berkira-kira untuk balik kampung.

Dak Mat: 'Nasi sudah menjadi bubur'



Jaga sensitiviti kaum

KOMEN perkauman oleh seorang pemimpin politik terhadap pemain badminton kebangsaan, S. Kisona baru-baru ini amat biadap.

Ketika kerajaan sedaya upaya berusaha terus memupuk penghargatan terhadap perpaduan negara, tindakannya mencemari usaha itu.

Perkara sudah berlaku dan Mat difahamkan si pelaku sudah pun menerima 'natijah' akibat tindakannya itu.

Bagi Mat sebagai pemimpin sukan, setinggi mana pun rasa kecewa dan marah atas kegagalan Kisona di saingan separuh akhir Piala Sudirman tempoh hari, kita perlu mengawal diri.

Tidak wajar muat naik kenyataan sedemikian di media sosial dan sebagainya yang boleh dibaca oleh sesiapa saja di seluruh pelukis dunia.

Menang atau kalah dalam pertandingan sukan tiada kaitan dengan keturunan seseorang pemain.

Kisona bukan calang-calang atlet. Dia memenangi dua pingat gangsa iaitu acara berpasukan campuran pada Kejohanan Badminton Junior Asia 2012 dan perseorangan wanita di Sukan Belia Asia 2013.

Mat harap apa yang berlaku tidak melemahkan semangat Kisona yang baru berusia 23 tahun dan ada masa yang panjang untuk lebih cemerlang.

Kepada rakyat Malaysia jadikan ikhtiar dalam usaha kita memupuk perpaduan antara kaum.

Dak Mat: Terlajak perahu boleh diundur, terlajak kata binasa.

PICK di Melaka berjalan lancar

DI sebalik ketidaktentuan politik di Melaka ketika ini, ternyata ia tidak merencanakan program direncanakan Kerajaan Persekutuan mahupun kerajaan negeri khususnya bagi menangani COVID-19.

Ia terbukti apabila kadar vaksinasi dewasa di negeri ini sudah mencapai kadar lebih 90 peratus setakat 7 Okt lalu.

Kadar vaksinasi keseluruhan negeri pula mencapai 65.01 peratus daripada 932,700 populasi.

Begitu juga kadar vaksinasi remaja bawah 18 tahun yang merekodkan 80.09 peratus daripada 86,500 remaja bair pun baru dilaksanakan.

Syabas Mat ucapan kepada semua pihak terbabit khususnya petugas barisan hadapan yang bertungku lumus menjalankan tugas sejak Program Vaksinasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) dimulakan 24 Feb lalu.

Pencapaian ini amat penting untuk dinilai pihak Kementerian Kesihatan dan MKN bagi membolehkan Melaka beralih ke fasa Pelan Pemulihan Negara seterusnya.

Kepada rakyat Melaka di luar sana yang belum menerima suntikan vaksin, segeralah berbuat demikian sebagai ikhtiar kita melindungi diri, keluarga dan negara.

Dak Mat: Sabar menunggu kebenaran rentas negeri.



CPF Melaka rekod RM8,240 nilai rampasan produk Ivermectin – Rahmad

Liana Sahabudin

AYER KEROH – Jabatan Kesihatan Negeri Melaka melalui Cawangan Pengawalaan Farmasi (CPF) merekodkan sejumlah RM8,240 nilai rampasan penjualan produk tidak berdaftar Ivermectin setakat 10 September lalu.

Exco Kesihatan Datuk Rahmad Mariman berkata, ia membabitkan tujuh serbuhan yang dilakukan ke atas penjualan produk itu yang tidak berdaftar melibatkan premis klinik, farmasi dan penjualan atas talian.

"CPF sentiasa pantau aktiviti pengiklanan dan penjualan produk tidak berdaftar di negeri ini, produk Ivermectin ini dijual dalam pasaran termasuk di media sosial dan dalam talian seperti di platform e-dagang."

"Penjualan produk tidak berdaftar dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) satu pelanggaran di bawah Peraturan 7(1)(a) Peraturan-peraturan Kawalan Dadah & Kosmetik 1984.

"Individu didapati bersalah boleh



RAHMAD

dikenakan hukuman denda tidak lebih RM25,000 atau penjara tidak lebih tiga tahun penjara atau kedua-duanya sekali bagi kesalahan pertama.

"Dan denda tidak lebih RM50,000 atau penjara tidak lebih lima tahun atau kedua-duanya sekali bagi kesalahan kedua dan berikutnya," katanya dalam satu kenyataan pada 4 Okt lepas.

Beliau menasihatkan orang awam agar tidak terpedaya dengan individu yang menjual Ivermectin sebagai rawatan atau pencegahan COVID-19 termasuk secara dalam talian.

"Produk yang dijual secara dalam talian ini berkemungkinan besar produk palsu atau produk yang didaftarkan untuk kegunaan haiwan."

"Penggunaan Ivermectin tanpa pemantauan daripada anggota profesional kesihatan berisiko menyebabkan masalah kesihatan seperti pening, alahan, sawan, koma dan boleh membawa maut," katanya.

Katanya lagi pengguna perlu me-

mastikan produk kesihatan yang dijual mempunyai pelekat keselamatan Hologram dan Nombor Pendaftaran Produk (MAL) sebelum membeli produk tersebut.

"Status pendaftaran produk boleh disemak dengan melayari laman sesawang <http://www.npra.gov.my> di ruangan 'Product Status' atau hubungi terus Pusat Panggilan Farmasi Kebangsaan 1-800-88-6722.

"Selain itu, orang ramai boleh muat turun aplikasi NPRA Product Status dari pada Google Play Store, Apple App Store atau Huawei AppsGalery bagi tujuan semakan tersebut." katanya.

Orang awam disaran melaporkan sebarang penjualan Ivermectin di laman e-dagang atau media sosial kepada Bahagian Pengawalaan Farmasi, KKM melalui portal <http://pharmacy.gov.my> atau melalui portal Sistem Pengurusan Aduan Agensi Awam (SisPAA) di alamat <http://moh.spab.gov.my>.

Selain menghubungi terus Cawangan Pengawalaan Farmasi Melaka di talian 06-2356999/ 013-6699219 (*hotline*) agar tindakan sewajarnya dapat diambil bagi membanteras penjualan produk Ivermectin tidak berdaftar di pasaran.

Pengunjung Zoo Melaka naik tiga kali ganda

Norizan Muhib

AYER KEROH – Pengunjung Zoo Melaka meningkat tiga kali ganda kepada kira-kira 1,000 orang pada 2 Okt lalu, selepas dibenarkan beroperasi bermula 1 Okt sempena peralihan Fasa 3 Pelan Pemulih Negara (PPN).

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ) Datuk Shadan Othman berkata, bilangan itu bertambah berbanding hari



SALIM

pertama (1 Okt) iaitu seramai 268 orang sepanjang operasi bermula pukul 9 pagi hingga 5 petang.

Menurutnya, kenaikan berganda itu disebabkan cuti hujung minggu di mana sebahagian besar penduduk di negeri ini memilih destinasi santai ke Zoo Melaka bagi mengambil peluang meluang masa bersama keluarga.

"Alhamdulilah, sambutan daripada pengunjung amat luar biasa dan

sejak dibuka semula Jumaat lalu, memang Zoo Melaka tidak henti-henti didatangi pengunjung," katanya.

Menurut Shadan, pihaknya menjangkakan jumlah tersebut akan meningkat pada minggu-minggu berikutnya ekoran kebenaran rentas negeri tidak lama lagi.

Walaupun sambutan pengunjung luar biasa, ujar beliau, pematuhan prosedur operasi standard (SOP) di kalangan pengunjung tetap menjadi keutamaan pihaknya demi mengelak timbulnya sebarang isu.

"Setakat ini kami berpuas hati dengan pematuhan SOP yang ditunjukkan oleh setiap pengunjung."

"Bagaimanapun, kami akan tetap terus pantau pergerakan dan pematuhan pengunjung bagi memastikan SOP yang ditetapkan dipatuhi sewajarnya," katanya.

Sementara itu, tinjauan dalam kalangan orang ramai terhadap peralihan Melaka ke Fasa 3, disambut dengan rasa kesyukuran.

Menurut S. Nagaraju, 52, dia sudah lama tidak ke bandar Melaka sejak 'terkurung' di Jasin bermula tempoh Perintah Kawalan Pergera-



DERETAN kedai cenderamata di hadapan Zoo Melaka mula dikunjungi orang ramai terutama dari kalangan pengunjung zoo sejak mula dibuka pada 1 Okt lepas.

kan (PKP).

"Saya lega sangat apabila Melaka sudah beralih fasa, lebih-lebih lagi semua sekatan jalan raya sudah tiada, seolah-olah semua sudah bebas," katanya

Bagi Kastamin Kamsib, 50, pembukaan sempadan daerah Jasin

tanpa sekatan jalan raya membolehkan dia dan keluarga mengunjungi saudara mara yang lama tidak dilawati.

"Memang seronok tetapi SOP perlu dipatuhi sebab perjuangan lawan COVID-19 belum tamat," katanya.

Salim Ismail, 51, berkata, banyak urusannya tertangguh sejak sekatan jalan raya dijalankan di beberapa tempat dalam daerah Jasin.

"Lega sekarang sudah tiada sekatan jalan raya, bolehlah saya sel-saikan urusan yang tertangguh sejak beberapa bulan lalu," ujarnya.

Menara Taming Sari kembali 'hidup'



KELIHATAN pengunjung MTS teruja dengan pemandangan Bandaraya Melaka dari atas menara tersebut.

"Antara lain, sebagai anak negeri ini, sudah pasti saya sekeluarga akan terus merancakkan produk pelancongan Melaka bagi membantu jana eko-

nomi negeri tercinta ini," katanya.

Keterujaan itu turut dikongsikan seorang lagi pengunjung, Nor Sulaila Mad Nawe, 27, yang berasal

dari Terengganu, yang baru berkhidmat di Melaka sebagai guru.

Katanya, pertama kali menaiki MTS itu, dia berasa teruja dan gem-

bira selepas hampir sembilan bulan berpindah ke negeri itu.

"Masa saya sampai di Melaka pada bulan Februari lalu, negeri ini terdapat banyak lokasi pelancongan yang menarik untuk dilawati, namun oleh kerana tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ketika itu, saya hanya pendam rasa nak melancong."

"Selepas Melaka diumum masuk ke Fasa 3 Pelan Pemulih Negara (PPN), saya tidak lengah masa untuk melancong dalam negeri bersejarah ini dan saya sangat teruja."

"Saya berpeluang untuk melihat pemandangan Melaka di atas MTS dan pemandangan Melaka dari atas menara ini sangat cantik," katanya.

Untuk rekod, Menara Taming Sari yang dibuka pada tahun 2008 itu mempunyai ketinggian 110 meter dan boleh berputar 360 derjah untuk pengunjung melihat panorama Bandaraya Melaka secara keseluruhan dan nama dan rekaan menara itu diambil berdasarkan reka bentuk Keris Taming Sari.

Dapat TV 70 inci naik Menara Taming Sari

BANDA HILIR - Pelbagai hadiah istimewa menanti pengunjung Menara Taming Sari (MTS) yang menyertai cabutan bertuah menerusi kempen 'Jom Naik Menara' bermula 1 Okt sehingga 31 Dis ini.

Timbalan Pengurus Besar MTS, Halil Mohamed Jafar berkata, sambutan pengunjung ke MTS sejak

dibuka semula operasi semalam, amat menggalakkan.

Katanya, MTS turut menawarkan pelbagai pakej dan hadiah menarik serta istimewa buat pengunjung ke MTS setiap minggu sehingga Dis ini.

"Kita juga menyediakan cabutan bertuah di mana pengunjung berpeluang me-

menangi televisyen berukuran 70 inci serta dua basikal jenis 'mountain bike,' katanya ketika ditemui MHI pada 2 Okt lepas.

Menurutnya, pelbagai promosi yang dilaksanakan itu adalah usaha untuk merancakkan lagi sektor pelancongan negeri, susulan Melaka beralih ke Fasa 3 Pelan Pemulih Negara

(PPN).

"Hari pertama dibuka sambutan amat menggalakkan dalam kalangan penduduk di Melaka, ini sempadan belum dibuka, dan lepas dibuka nanti kedatangan pengunjung akan lebih ramai."

"Hadiah-hadiah ditawarkan ini juga akan menjadikan Menara Taming Sari

ini sentiasa diingati," katanya.

Menurutnya, pihaknya turut berterima kasih kepada kerajaan negeri yang sering membantu merancakkan kembali aktiviti pelancongan negeri ini.

Ditanya mengenai pengoperasian yang terpaksa ditutup lebih setahun lalu, Halil berkata, sepan-

jang itu pihaknya mengambil peluang untuk menaik taraf fasiliti di MTS.

"Sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) lalu, MTS mengambil langkah untuk menaik taraf fasiliti supaya bila boleh beropersi, kita memberikan pengunjung menikmati dalam keadaan yang kondusif," katanya.

Bisikan 'masa kau belum tiba' kejutkan pesakit COVID-19

Mohamad Fazrul Abdul Majid

BUKIT KATIL — "Masa kau belum tiba!" Itu suara bisikan yang tergiang di telinga bekas pesakit COVID-19 tahap 5, Ahmad Khairush Syakirin Zaid, 39, sebelum tersedar dari ditidurkan di Unit Rawatan Rapi (ICU) Hospital Melaka, kira-kira tiga bulan lalu.

Pengurus bengkel kereta di Taman Bukit Katil itu berkata, sebaik mendengar bisikan yang dipercayai dari suara arwah bapanya itu, dia terus tersedar dan bingung mengenai apa sebenarnya yang berlaku.

Katanya, beberapa minit selepas itu, barulah dia menyedari tersedar selepas tiga atau empat hari ditidurkan dan terpaksa bergantung kepada bantuan alat pernafasan.

Bapa kepada empat anak itu berkata, pengalaman pada awal Julai lalu itu dianggap seperti mati hidup kembali dan menjadi memori yang akan terus dikenang sepanjang hayatnya.

"Sepanjang ditidurkan memang saya rasa seperti berada di alam lain. Adakah saya seperti berjumpa

arwah ayah dan abang saya dan adakahnya merasai seperti sedang dibakar Yassin.

"Sebelum doktor beritahu saya akan ditidurkan memang saya reda kerana peluang saya untuk selamat mungkin 50-50.

"Tetapi isteri, anak-anak dan keluarga menjadi sumber kekuatan saya. Alhamdulillah, saya dikelilingi insan baik yang banyak memberi semangat kepada saya.

"Semangat itulah membuatkan saya untuk terus kuat dan akhirnya saya terselamat dan kini dapat menjalani kehidupan seperti biasa," katanya yang ditemui selepas diziarahi Kelab Rawatan Kesakitan Melaka (PSM) dan Jabatan Rawatan Rapi Hospital Melaka di bengkelnya, baru-baru ini.

Dalam sesi ziarah itu, Ahmad Khairush Syakirin turut sebak dan mengalirkan air mata apabila menceritakan kembali pengalamannya selama 14 hari di ICU Hospital Melaka.

Katanya, apa yang berlaku itu juga menyedarkannya untuk menghargai insan-insan tersayang dan petugas barisan hadapan yang ban-



KEADAAN Ahmad Khairush sewaktu ditidurkan di ICU Hospital Melaka. FOTO ihsan Ahmad Khairush

yak berkorban jiwa dan raga sepanjang membantu merawatnya ketika itu.

"Banyak pengalaman yang saya lalui di ICU, antara yang tidak boleh

saya lupukan ialah melihat rakan-rakan meninggal dunia di depan mata.

"COVID-19 ini bukan mainan, ia benar-benar berlaku. Saya tidak tahu

bagaimana boleh dijangkiti, yang saya tahu, badan saya tiba-tiba lemah dan hilang selera makan sebelum disahkan COVID-19 tahap 5 beberapa kemudian," ujarnya.

RUMAH TERES 2 TINGKAT DI BANDAR MELAKA

dengan hanya **RM 4xxK**

HAK MILIK KEKAL



TAMAN BUKIT CHENG



24 JAM SEKURITI

***T&C Applies**

Waze Location:
Taman Bukit Cheng, Malacca

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

017-260 9003

Sri Pengkalan Binaan Sdn. Bhd.
17 A&B, Plaza Seri Kubu,
Jalan Tan Chay Yan,
75300 Melaka.
www.spb.my

SPB
SINCE 1981

Penduduk mohon jeti dibaik pulih



ZAINAL menunjukkan bahagian bangunan jeti yang rosak dan meninggalkan kesan cerucuk yang tidak kelihatan apabila air laut pasang.

Norizan Muhid

TANJUNG BIDARA

Keindahan pantai peranginan Tanjung Bidara yang dikelilingi hutan semula jadi menarik tumpuan pengunjung untuk berkelah dan beriadah pada cuti hujung minggu bersama keluarga.

Namun, di sebalik keindahan pantainya yang jernih dan panorama indah menjelang lewat petang itu sebenarnya menyembunyikan satu 'perangkap maut' yang sudah tersedia di situ sejak lebih 10 tahun lalu.

Tinjauan MHI pada bangunan jeti yang terdapat sebelah menara kawalan pusat operasi menyelamat Angkatan Pertahanan Awam (APM) mendapati laluan masuknya ditutup ekoran kerosakan pada beberapa bahagian bangunan akibat dipukul ombak dan angin kuat.

Pada bahagian bawah dan bumbung pada hujung



bangunan jeti itu didapati telah rosak sejak sekian lama dan kepingan besi jelas kelihatan tercabak ketika laut surut.

Kedua-dua itu berbahaya terutama pengunjung yang menceroboh kawasan jeti untuk mandi-manda tanpa menyedari bahaya menanti.

Seorang penduduk, Zainal Mohd Amin, 65, berkata, dia difahamkan berapa pengunjung pernah mengalami kecederaan serius setelah memasuki kawasan jeti untuk melakukan terjunan dari situ ke pantai.

"Biasanya kanak-kanak sebab mereka teruja, lebih-lebih lagi tiada kawalan ibu bapa, memang laluan sudah ditutup tetapi ada pengunjung

sanggup memanjang untuk masuk.

"Kalau dibiarkan keadaan ini berlanjut, saya bimbang selepas ini mungkin akan rugut nyawa pula," katanya ketika ditemui.

Sadikin Mansor, 34, berkata, dia ada menegur pengunjung pantai yang kebanyakannya datang dari luar Melaka ketika mereka cuba menceroboh masuk ke jeti.

"Itu yang kita nampak, kalau yang kita tidak nampak bagaimana? Pernah sekali, ada yang cuba masuk pada waktu malam, semata-mata mahu merasai keseronokan untuk terjun dari atas jeti."

"Saya amat berharap agar pihak berkuasa dan Majlis Perbandaran Alor Gajah dapat berbuat sesuatu tentang jeti yang rosak ini."

"Selain mengundang bahaya yang tidak disangka, ia juga mencemar pemandangan dan imej keindahan pantai Tanjung Bidara," katanya.

Remaja jantung injap lembu rayu bantuan

Faiz Hasan

TANJUNG BIDARA 3 Okt.

— "Saya tak sanggup lagi melihat anak gadis kerap sakit dada dan lemah badan kesan dari pembedahan jantung menggantikan saluran injap lembu sejak empat tahun lalu,".

Ibu diluahkan Norhaslin Saleh, 41, ibu kepada pesakit jantung Nur Ain Rohaiziziee, 18, yang kini bergantung hidup dengan saluran jantung biologi daripada injap lembu.

Menurutnya, boleh dikatakan seumur hidupnya anaknya itu bergantung kepada rawatan dan pembedahan di Institut Jantung Negara (IJN) kerana penyakit jantung kronik yang dihidapi sejak berusia lapan bulan.

Jelasnya, anaknya yang menghidap penyakit jantung berlubang dan saluran injap yang sempit terpaksa berhabis sehingga puluhan ribu ringgit akibat derita yang ditanggung beberapa pembedahan di hospital berkenaan.

"Sejak Nur Ain berusia 10 bulan, pembedahan pertama telah dijalankan bagi menutup lubang pada jantungnya dan selang dua tahun berikutnya dia terpaksa menjalani pembedahan lain menggantikan

// Nur Ain kini bergantung kepada saluran injap lembu selepas pembedahan penggantian injap jantung biologi dijalankan sejak empat tahun lalu. //

injap jantungnya yang sempit kepada saluran injap tiub selama 14 tahun.

"Nur Ain kini bergantung kepada saluran injap lembu selepas pembedahan penggantian injap jantung biologi dijalankan sejak empat tahun lalu," katanya kepada MHI ketika ditemui di kediamannya di Taman Bidara Permai, pada 3 Okt lepas.

Tambahnya, kaedah menggunakan injap lembu kemudiannya perlu digantikan setelah mendapat kebocoran pada tiub berkenaan membuatkan kitaran darah pada jantungnya terganggu.

"Kesan dari pembedahan itu kini kadangkala membuatkan dia berasa sakit dada dan lemah badan."

"Lebih menyedihkan, anak kini tidak layak menerima saraan daripada Surat Pengakuan Diri dan Pengakuan Pegawai (GL) suami, Rohaz-

iziee Hamzah, 41, yang berkhidmat sebagai kakitangan awam Angkatan Tentera Malaysia (ATM) di Kem Terendak.

"Ini kerana setelah Nur Ain berusia 18 tahun, dia tidak layak menerima faedah itu dan kini kami terpaksa bergantung kepada simpanan sendiri dan bantuan saudara mara lain untuk mendapatkan rawatan susulan di IJN," katanya.

Terdahulu, keluarga berkenaan telah menerima kunjungan Ketua Menteri, Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali bagi menyantuni keluarga terabit dalam program Ziarah Kasih di Dewan Undangan Negeri (DUN) Kuala Linggi Tanjung Bidara.

Mengulas lanjut, Norhaslin berkata malah, baru-baru ini anak sulungnya itu dimasukkan semula ke IJN bagi menjalani rawatan jantung yang memerlukan kos sekitar RM55,000.

Pengusaha '*Banana Boat*' lega dapat kembali beroperasi

TANJUNG BIDARA — Kejayaan Melaka memasuki Fasa 3 Pelan Pemulihan Negara (PPN) mulai 1 Oktober, memberikan rahmat kepada banyak pihak, termasuk pengusaha bot pisang dan 'donut'.

Pengusaha berkenaan di pantai peranginan Pengkalan Balak dan Padang Kemunting, di sini kembali tersenyum lebar selepas lima bulan terpaksa memerap peralatan berkenaan dalam stor.

Kebenaran diberikan Majlis Keselamatan Negara (MKN) untuk aktiviti riadah di pantai berikut negeri ini melangkah ke Fasa 3 Pelan Pemulihan Negara (PPN) sejak 1 Oktober, memberikan kelegaan kepada mereka.

Muhammad Igram Wan Helmi, 23, berkata dia menurunkan bot pisang dan donut ke laut mulai pagi semalam dan diteruskan hari ini berikut pantai berkenaan semakin dibanjiri pengunjung.

"Alhamdulillah, sejak negeri ini masuk Fasa 2 sebelum ini dan sekarang Fasa 3 PPN, pantai peranginan ini kembali dipenuhi pengunjung dari dalam negeri."

"Walaupun pengunjung dari negeri lain masih belum tiba kerana larangan merentas negeri masih dikuatkuasakan, alhamdulillah, pengunjung dari dalam negeri semakin ramai," katanya ketika ditemui di pantai Padang Kemunting baru-baru ini.

Dengan mengenakan caj RM20 seorang,

Muhammad Igram ceria menyaksikan tujuh tempat duduk pada bot pisangnya dipenuhi penumpang.

Selain itu, caj RM25 seorang untuk bot donut juga menggembirakannya kerana ia mendapat sambutan baik pengunjung pantai.

Katanya, sepanjang Fasa 1 Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 dari Jun hingga 3 September lalu, kedua-dua bot berkenaan terpaksa dinaikkan ke darat bagi mengelakannya rosak akibat tidak bergerak.

"Apabila kerajaan mengumumkan Melaka masuk Fasa 3, saya dan pengusaha bot pisang yang lain amat bersyukur dan berdoa agar Allah menamatkan pandemik COVID-19," katanya.

Pengunjung pantai, Suhaimi Abdul Rahman, 35, berkata dia dan lima anggota keluarganya tidak mahu melepaskan peluang meluncur laju di atas bot pisang selepas sekian lama terpaksa berkurban dalam rumah.

"Alhamdulillah, kami sangat teruja dapat berenang dan menyelam, selain naik bot pisang yang mengasyikkan," katanya.

Rohana Abdul Malek, 29, berkata menaiki bot donut yang meluncur laju untuk pertama kali bukan setakat amat menyeronokkan, malah menguji kekuatan mental.

Katanya, pandemik COVID-19 mendidik manusia supaya menghargai kesihatan dan kebebasan.



MIMBAR MAIM

"Benar-benar sangat beruntung orang-orang yang membersihkan diri dengan beriman dan sentiasa berzikir menyebut nama Tuhannya serta mengerjakan sembahyang." (Surah Al-A'la, ayat 14-15)

"Demi sesungguhnya! Kami akan menguji kamu dengan sedikit ketakutan, kelaparan, dan kekurangan dari harta benda serta jiwa dan hasil tanaman. Dan berilah khabar gembira kepada orang yang sabar." (Surah Al-Baqarah, ayat 155)

Aplikasi Jejak Asnaf mudah bantuan kepada asnaf

Erwin Abu Hasan
erwin@maim.gov.my

MELAKA TENGAH - Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) telah mengambil inisiatif membangunkan aplikasi 'Jejak Asnaf' yang bertujuan memudahkan orang ramai salur maklumat mengenai individu yang memerlukan.

Pada ketika tempoh yang sukar ini, aplikasi ini mampu menjadi pemangkin kepada saluran bantuan kepada mereka yang terjejas dan memerlukan khususnya permohonan bantuan kebaikan di bawah saluran dana zakat Negeri Melaka.

Dengan adanya aplikasi tersebut, proses kerja penyaluran kebaikan akan menjadi lebih efisien ditambah pula penglibatan langsung rakyat dari segi penyaluran maklumat.

Penyampaian maklumat melalui aplikasi ini mampu memastikan mereka yang memerlukan mendapat perhatian sewajarnya dan dalam waktu yang sama dapat mengurangkan kecinciran golongan terjejas dan terkesan.

Fungsi dan peranan apli-

|| Penyampaian maklumat melalui aplikasi ini mampu memastikan mereka yang memerlukan mendapat perhatian sewajarnya dan dalam waktu yang sama dapat mengurangkan kecinciran golongan terjejas dan terkesan. ||

Kas ini mampu membentuk komuniti yang mengambil cakna keadaan sekeliling mereka terutama masih terdapat antara mereka yang tidak mengetahui saluran agensi mana yang boleh membantu mereka dari segi kebaikan dan sosio kehidupan.

Mudahnya aplikasi ini yang mempunyai pelbagai fungsi antaranya pendaftaran pengguna, semakan asnaf, pengisian maklumat asnaf dan semakan status maklumat mahupun aduan yang diberikan.

Menerusi perlaksanaan aplikasi tersebut, ia mampu mengurangkan beberapa kes viral yang dibuat tanpa menyakar status individu berkenaan selain sebagai saluran kemudahan bagi penyampaian maklumat berkaitan individu yang dalam kesusahan.

Kaedah ini juga merupakan satu kemudahan kepada rakyat yang prihatin terhadap kesusahan asnaf dan mampu meningkatkan cara kerja lebih efisien dan sistematik serta menjimatkan masa kerana segalanya hanya melalui hujung jari sahaja.

Individu yang memerlukan bantuan juga boleh membuat permohonan untuk diri sendiri melalui aplikasi ini dengan menyertakan maklumat asas, aduan ringkas, kategori bantuan diperlukan dan maklumat gambar asnaf, sebelum rekod aduan akan disiasat oleh petugas MAIM untuk diproses.

Kepada masyarakat Islam di negeri, aplikasi Jejak Asnaf MAIM ini boleh dimuat turun di platform Play Store (Android) dan kini melalui aplikasi Apple Store (iPhone).



LAPORKAN KEPADA MAIM MEREKA YANG DALAM KESUSAHAN

Melaka Tengah | 06-283 7416 / 06-284 9809
06-288 1881 / 06-288 1882

Jasin | 06-529 8415
06-529 8417

Alor Gajah | 06-384 2699

Merlimau | 06-263 9505

Website | www.maim.gov.my

Email | admin@maim.gov.my

Youtube | [majlis agama islam melaka](#)

Facebook | [facebook/maimmelaka](#)



Zakat Diberkati, Asnaf Disantuni



AGIH SUMBANGAN...Bilik Gerakan Covid-19 Agensi Agama Islam Melaka diketuai Penyelaras Program, Mohd Rizalman Syed menyerahkan sumbangan kit makanan MBSB Berhad bersama Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) kepada beberapa buah masjid sekitar daerah Melaka Tengah.



SERAHAN kit makanan kepada mereka yang memerlukan khususnya kepada penghuni Sekolah Menengah Imtiaz Ulul Albab, Masjid Tanah dan masyarakat sekitar kawasan berkenaan.

ZAKAT MELAKA
Bersih Jiwu Suci Harta

WAKTU OPERASI PERKHIDMATAN KAUNTER KUTIPAN ZAKAT MELAKA SEPANJANG FASA 3 PELAN PEMULIHAN NEGARA

Ibu Pejabat & Cawangan Alor Gajah / Masjid Tanah / Merlimau / Jasin	ISNIN - JUMAAT 8.00 pagi hingga 5.00 petang
	WAKTU REHAT (JUMAAT) 12.15 t/hari. hingga 2.45 petang
	*Sabtu, Ahad & Cuti Umum: TUTUP
ISNIN - AHAD 8.00 pagi hingga 5.00 petang	CAWANGAN UTC
WAKTU REHAT (JUMAAT) 12.15 t/hari. hingga 2.45 petang	*Cuti Umum: TUTUP

***Kaunter Kutipan Zakat Melaka Pulau Sebang & Kaunter Bergerak (Van)**
DITUTUP SEMENTARA

Talian Zakat Melaka
1-300-88-0233

Talian Zakat (WhatsApp) 011 - 5858 3885 Zakat Melaka zakat.melaka www.izakat.com

Cabutan Perdana Potongan Gaji Zakat

Serendah RM50 & Tambahan Serendah **RM30**

Tarikh penyertaan: 27 Ogos 2021 *Tertakluk Terma & Syarat

Daftar di: www.izakat.com

"Menangi cabutan hadiah menarik menanti anda"

Hadiah JUARA: 10g Emas X 1

Hadiah NAIB JUARA: 3g Emas X 1

Hadiah SAGUHATI: 1g Emas X 10

Talian Zakat: 1-300-88-0233 Zakat Melaka zakat.melaka www.izakat.com



DEDIKASI... Timbalan Pengurus MAIM, Datuk Wira Md Rawi Mahmud menyampaikan sijil penghargaan kepada salah seorang pegawai yang telah menerima Anugerah Inovasi Bulanan baru-baru ini. Kecekalan dan amanah dalam melaksanakan tugas yang dipertanggungjawabkan menjadi keutamaan kaktungan MAIM melaksanakan proses kerja dengan lebih berintegriti.

JABATAN MUFTI NEGERI MELAKA

ALMANAK ASTRONOMI 2021 BULAN OKTOBER

FASA BULAN BARU 06/10/2021-19:05	FASA SUKUAN AWAL 13/10/2021-11:25
FASA BULAN PENUH 20/10/2021-22:57	
FASA SUKUAN AKHIR 29/10/2021-04:05	
METEOR ORIONIDS 21/10/2021	
HUJAN METEOR BERLAKU APABILA BUMI MELINTASI JEJAK DEBU YANG DITINGGALKAN KOMET	

www.muftimelaka.gov.my Jabatan Mufti Negeri Melaka @MuftiMelaka



Skim

BANTUAN MAIM



01 Bantuan Makanan Bulanan Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf	02 Bantuan Saraan Anak Sekolah Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf	03 Bantuan Saraan Anak IPT Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf
04 Bantuan Sakit Kronik Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf	05 Bantuan Sakit Terlantar Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf	06 Bantuan Skim Simpanan Fakir Kelayakan : Asnaf fakir sahaja
07 Bantuan Sewa Kediaman (Asnaf) Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf	08 Bantuan Rawatan Dialisis (Yayasan Toh Puan Zurina & Sinar Haemodialisis Sdn. Bhd.) Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf & *terbuka	09 Bantuan Persediaan Ramadhan Syawal Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf
10 Bantuan Pakaian Sekolah Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf	11 Pekerja Sukarelawan Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf	12 Bantuan Alat Bantu Pulih Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf & *terbuka
13 Bantuan Khairat Kematian Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf	14 Bantuan Yuran Sekolah (Anak Asnaf) Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf	15 Bantuan Am Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf & *terbuka
16 Bantuan Kecemasan/ Makanan Kecemasan Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf & *terbuka	17 Bantuan Pembaikan Rumah (Asnaf) Kelayakan : Asnaf fakir, miskin, muallaf	18 Bantuan Aidiladha Kelayakan : Asnaf fakir sahaja
19 Bantuan Skim Simpanan Muallaf Kelayakan : Asnaf muallaf sahaja	*terbuka mengikut Had Kifayah dan kesesuaian kelayakan kategori asnaf	

Nahas babit lima kenderaan

Penunggang ‘Y-suku’ maut

Mohamad Fazrul Abdul Majid

GADEK 7 Okt – Seorang lelaki maut manakala lima lagi cedera ringan dalam nahas membabitkan

lima kenderaan di Jalan Dalong, Jelatang-Gadek pada malam 6 Okt lepas.

Mangsa yang maut, Muhammad Nor Abdullah, 20, seorang pe-

mastautin tetap meninggal dunia di tempat kejadian akibat kecederaan parah di kepala.

Ketua Polis Daerah Alor Gajah, Superintenden Arshad Abu berkata,



MOTOSIKAL ditunggangi mangsa.- Foto- Ihsan Polis Alor Gajah.



KEMALANGAN membabitkan empat kereta dan sebuah motosikal di Jalan Dalong, Jelatang-Gadek, malam tadi. Foto- Ihsan Polis Alor Gajah.

siasatan mendapati kemalangan berlaku selepas mangsa yang menunggang motosikal Yamaha Y15 dari arah Alor Gajah menghala ke Pulau Sebang cuba memotong sebuah lori.

Katanya, bagaimanapun sewaktu hendak memotong penunggang itu dilanggar kereta Nissan dari arah bertentangan.

Menurutnya, impak perlenggaran itu membuatkan mangsa tercampak sebelum dilanggar dua lagi kereta lain, manakala kereta Nissan yang dinaiki tiga beranak turut melanggar sebuah lagi Proton Wira di lokasi kejadian.

“Kemalangan itu berlaku di jalan lurus satu lorong dua hala dan keadaan cuaca serta lalu-lintas baik pada ketika itu.

Terdapat lima pemandu serta penumpang kereta cedera ringan dalam kejadian itu, manakala penunggang motosikal disahkan meninggal dunia oleh petugas Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan dibawa ke Hospital Alor Gajah untuk bedah siasat,” katanya.

Arsyad berkata, kesemua kenderaan terlibat telah ditahan untuk dibawa bagi pemeriksaan di Pusat Pemeriksaan Kenderaan Berkemuter (PUSPAKOM).

Katanya, kes diklasifikasikan di bawah Seksyen 41(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987.



**HADIAH BERNILAI LEBIH
RM30 JUTA**
MENANTI ANDA DENGAN BSN SSP 2021!

En. Abdul Rahim dari Merlimau, Melaka merupakan pemenang BSN SSP RM1 Juta melalui Cabutan Istimewa bulan Ogos.

Kami masih lagi mencari 5 Jutawan BSN SSP untuk tahun 2021. Adakah anda Jutawan seterusnya? Mulakan simpanan BSN SSP anda hari ini!

Simpan minimum RM3,000 dengan BSN SSP dan anda berpeluang menjadi salah seorang jutawan melalui Cabutan Istimewa kami.

Kempen tamat: 31 Disember 2021

Saluran menyimpan:

Melalui cawangan BSN atau Ejen Bank Berdaftar (EB)

Melalui BSN ATM / CDM

Melalui www.bsn.com.my

Tertakluk pada terma dan syarat.





WWW.KIBGIM.COM



SCAN HERE

SMART A+

SOALAN LATIHAN & TEKNIK
MENJAWAB SPM
SUBJEK: BAHASA INGGERIS

JOM BERSAMA KIBGIM MENDIDIK &
MENGINSPIRASI
HUBUNGI: 011-15116270 / 019-2886270

SUBJEK: BAHASA INGGERIS

PAPER 2 (119/2) – WRITING

Time Allocation: 1 Hour 30 Minutes

Total Marks: 60 Marks

PART 1

PART 2

PART 3

- SHORT COMMUNICATIVE MESSAGE
- 1 Question
- 20 Marks

Overview of Writing Test Tasks

Parts 1 and 2 are compulsory and there is no choice of question.

In part 3, candidates have a choice and there are three different tasks to choose from.

Part 1 (Compulsory task)

(A2 Level)

- Candidates have to write an email to a friend in about 80 words

Part 2 (Compulsory task)

(B1 Level)

- Candidates have to write an essay in about 150 words

Part 3 (Candidates have a choice of task)

(B2 Level)

- This part has three questions or tasks to choose from.

• The tasks types may include an article, a review, a report or a story and candidates have to choose one.

- They have to write about 250 words.

Extended Writing

3 questions

20 marks

Require length: 250 words.

In part 3, candidates have a choice and there are three different tasks to choose. The tasks types may include an article, a review, a report or a story and candidates have to choose ONE. They have to write for about 250 words.

There are three steps to follow:



Planning and brainstorming ideas

- ✓ Choose the easiest topic to write about
- ✓ Brainstorm your ideas for each point listed and choose the ones with more contents to write.

Drafting – Crafting

- ✓ Expand your ideas into paragraphs
- ✓ Make sure to include further explanation and examples

Improving

- Step 1: Give a fancy and catchy introduction to your writing
- Step 2: Address the tasks in the question
- Step 3: Elaborate by giving examples or details
- Step 4: Use some cohesive devices and connectors
- Step 5: End your essay nicely
- Step 6: Check your grammar

Tips and Techniques

1. Read the question.
2. Plan and organize the structure of the essay.
3. Each paragraph must have one main idea.
4. There must be a topic sentence supported by relevant supporting details.
5. Use all the points given.
6. Elaborate on the points.
7. Use suitable expressions and vocabulary for the target audience.
8. Use suitable connectors - to link the ideas.
9. Check spelling and punctuation.

PRACTICE 1

You recently saw this notice in an online tech magazine.

Reviews on smartphone wanted !

Have you purchased a smartphone ?
Kindly send us your review on the smartphone.
Tell us why you like using this smartphone.
Would you recommend this smartphone to your friends ? Why

The best reviews will be published in our tech magazine.

Write your review.

TIPS!

Tips to remember when writing a review

- Review must have an introduction that clearly targets to question
- The following paragraphs must focus on answering the required tasks in the question
- The report must be well organized and points must be clearly arranged based on the requirement in the question
- Analyze by stating both interesting aspects and downside of the required task
- Provide a personalized review of the required task
- The review must provide the judgement plus recommendation based on what the question required
- Please restate all the points briefly in the last paragraph.

Please remember **A REVIEW IS A FORMAL AND FORMATED PIECE OF WRITING**

SUGGESTED ANSWER:

After doing my research, I discovered that the best phone for me is the Lucky 5 Smartphone and I recently got my parents to buy it for me.

Although the Lucky 5 Smartphone is a bit costly, it is worth the price. It is very sturdy. I have dropped my phones several times but it still worked fine. There were also hardly any scratches on the screen.

Another reason that I decided to get the smartphone is because the battery can last a long time. It can last for more than 24 hours. Furthermore, it does not take long to charge.

The Lucky 5 Smartphone has high memory capacity and a fast processor. This is useful as I sometimes have to take a lot of photos for my school projects. The fast processor helps me to do my school projects easily especially when I want to get information.

I am glad that I got the Lucky 5 Smartphone because it is durable, has good battery life, high memory capacity and a fast processor. This smartphone is very useful for teenagers and I would recommend it to my friends.



PROF. Dato' Dr. Ahmad Murad Merican

IN March 2014, I presented a paper titled "Early European/Pakeha Discourses on Melayu-Polynesian Identity". It was at Waitangi, at the Bay of Islands, some 230 kilometres north of Auckland. Waitangi in the Maori language means 'weeping waters.' Waitangi is best known for the location where the Treaty of Waitangi was signed in 6 February of 1840, five years after the Declaration of Independence of New Zealand.

The Treaty brought contested positions between Maori and Pakeha – their European Other. To the Maori, 6 February is a cry for their independence.

The conference themed "Strengthening Cultural, Education, Trade and Tourism Networks among the Melayu-Polynesian Ancestral Nations" strongly signified a counter-narrative to mainstream Eurocentric view of the world, and of New Zealand. Upon arriving from Auckland, I realized that I would be among the Maori over the next few days, mired in their mood of resisting their Other. There was a predominant manifestation of reasserting and re-establishing indigenous and endogenous views of the world and oneself from the discussions and papers that ensued.

It evoked Kupe, who according to the Maori, was the earliest explorer who discovered Aotearoa (the Maori name for New Zealand) in the 10th century. Later, a participant from Manahiki, an island in the Cook Islands (named after James Cook) fairly located in the middle of the Pacific Ocean, whose inhabitants are a close kin of the Maori, suggested dropping the name "Cook" to the group of islands. Kupe was there first.

In my paper, I articulated that for us to know ourselves, and identity our origins, we also have to know how we were constructed by Others over the centuries. This brings to the name we call ourselves and our labels on others. It has been argued that Maori and Pakeha came into existence solely in relation to one another. The descendants of Polynesian migrants who first settled in Aotearoa had no collective term to describe themselves, since they had nothing to define themselves in relation to, no awareness of any others.

Then came the Europeans. The Pakeha emerged. Vincent O'Malley

The Maoris: Resisting the Pakeha, Discovering Maoriness in the Whenua



ILLUSTRATION shown Treaty of Waitangi was signed in 6 February of 1840, five years after the Declaration of Independence of New Zealand.

in his book *The Meeting Place: Maori and Pakeha Encounters, 1642-1840* (2012) explains that the term originally meant 'white pig.'

and *Vocabulary* to describe a 'European; a white man.' It was also spelt as 'Pakiah.'

When conversing or interact-

land' (where 'whenua' has the same meaning as the Bahasa Melayu 'benua'/bumi/tanah).

O'Malley argues that without

trans-national relations beyond Aotearoa.

The Maori, 600,000 of them, forming 15% of New Zealand's population, are part of the Malay world stretching from Madagascar to Rapanui (Easter Islands) and from Hawaii to Aotearoa. They belong to the Austronesian/Melayu-Polynesian linguistic group with some 371 million souls. The Maori is part of this huge market – economic and cultural – the unexplored solidarity of the whenua, potentially engaging in a different set of rules with the Pakeha.

NEXT WEEK: Pekerjaan Kalam

***Prof. Dato' Dr. Ahmad Murad Merican is Professor of Social and Intellectual History with the International Institute of Islamic Thought and Civilization, International Islamic University (ISTAC-IIUM). He is a Senior Fellow with the Southeast Asia Research Centre and Hub at De La Salle University, Manila, the Philippines.**

// Their Maoriness brings to them the consciousness of the Tangata whenua – 'the people of the land' (where 'whenua' has the same meaning as the Bahasa Melayu 'benua'/bumi/tanah) //

'bugger you!' or 'flea'. These labels were not accepted by the non-Maori White settlers. The etymology remains unclear, though it most likely derived from pakepakeha, a reference to fair-skinned 'supernatural beings' similar to what the Maori call patupaiarehe, or pakehakeha, the gods of the deep sea.

O'Malley notes that the first recorded use of the term 'Packaha' – referring to a 'white man' was in 1817. The flea was also called by that name, as it has been asserted to have been introduced into New Zealand by the Europeans. The turnip is likewise call packaha from its whiteness. The term was listed in the 1820 publication *Grammar*

ing with Maori, Europeans freely described themselves as 'Pakeha.' But it took some two centuries from the time of the arrival of Cook for at least a minority of non-Maori New Zealanders to embrace the term as providing some kind of collective cultural identity. Many fiercely resist its adoption. Prior to 1840, Europeans initially became Pakeha slowly in reference to Maori, who in turn discovered their Maoriness only in relation to the newcomers and the different cultural mores they brought with them. That was the 'new' identity.

Their Maoriness brings to them the consciousness of the Tangata whenua – 'the people of the

Maori, there would be no Pakeha. Without Pakeha, there would be no Maori. One had no meaning without the other, no reason for being. But Linda Tuhiwai Smith (1999) holds no reservations for the Pakeha. In *Decolonizing Methodologies: Research and Indigenous Peoples*, the Maori educationist calls for the rewriting and rewrighting of "our position in history." Being Maori, "we see outside of ourselves."

For the duration that I was in Waitangi and Auckland attending the Conference, I sensed a heightened consciousness in their ethnic expression and identity. There was also the presence of a

Selamat tinggal kedai buku ‘lejen’

Mohamad Fazrul Abdul Majid

TANGGAL 15 Oktober 2021 bakal menyaksikan sebuah kedai buku berstatus legenda di Melaka iaitu Thai Kuang Sdn Bhd akan mengucapkan selamat tinggal buat selama-lamanya.

Ia berikutnya kedai buku terletak di Jalan Gajah Berang yang cukup sinonim dengan rakyat Melaka sejak era selepas kemerdekaan itu memilih untuk menamatkan operasinya.

Pemiliknya, Maria Ng Abdullah, 75, bagaimanapun menjelaskan penutupan itu bagaimanapun bukanlah disebabkan perniagaan terkesan dengan pandemik COVID-19.

Sebaliknya, faktor ingin bersara selain tiada penyambung legasi membuatkannya memilih untuk menutup operasi.

“Umur saya sudah 75 tahun, saya pun sudah tidak larat lagi. Jadi, saya memilih untuk berehat bersama anak cucu.

“Lagipun, kesemua anak-anak saya kini menetap di luar negara. Adik-beradik pun sama, jadi tiada yang mahu sambung perniagaan.

“Bukan sebab COVID-19, kalau COVID-19 tiada pun saya akan tutup juga dan saya tidak bercadang untuk menjual jenama ini kerana bagi saya biarlah ianya berakhir,” katanya ketika ditemui Melaka Hari Ini di pejabatnya.

BERSAING DENGAN DUNIA MODEN

Mengulas lanjut, ibu kepada tiga anak itu berkata, selain disebabkan tiada penyambung legasi, penutupan operasi itu juga disebabkan faktor orang ramai sudah mula beralih kepada teknologi di hujung jari.

Katanya, pada era moden ini, pelbagai jenis buku sudah mula dijual secara dalam talian dan itu menyebabkan perniagaannya mula merudum.

“Kita sudah mula rasa terkesan sejak 15 tahun lagi yang mana jualan buku semakin menurun saban tahun.

“Tidak hanya itu, kos bermiaga dan belanja juga semakin lama semakin naik dan keuntungan hasil jualan buku juga tidak banyak mana.

“Jika dahulu kita ada cawangan di Mahkota Parade, namun selepas 18 tahun bertapak di situ kita terpaksa tutup sekitar 2013 kerana kadar sewanya semakin lama semakin mahal dan tidak berbaloi,” ujarnya.



MARIA bergambar di pintu masuk Kedai Buku Thai Kuang Sdn Bhd buat kali terakhir.

KEDAI BUKU TERTUA

Bercerita mengenai bagaimana tertubuhnya jenama Thai Kuang Sdn Bhd, Maria berkata, kedai buku itu mula diusahakan mendiang bapanya, Ng Yook Chee, hampir 74 tahun lalu.

Katanya, pendaftaran syarikat itu dibuat pada Januari 1948 dan operasi kedai bermula di Segamat Johor pada tahun sama.

Ia sekali gus menjadikan kedai buku itu antara yang tertua di Malaysia berdasarkan data yang diperoleh dalam direktori Persatuan Penjual Buku Malaysia.

“Pada ketika itu kita banyak membekal-



ZALEHA

kan buku kepada sekolah-sekolah di sekitar Johor, Melaka dan Negeri Sembilan.

“Pada penghujung 1963, barulah keluarga saya berpindah ke Melaka dan membuka kedai buku di negeri ini,” katanya.

Maria berkata, operasi itu kedai itu bagaimanapun bermula dengan menyewa di sebuah lot kedai di Tengkeria sebelum berpindah ke Jalan Laksamana.

Mereka akhirnya membuka kedai sendiri di Jalan Gajah Berang yang dikenali ramai sehingga kini.

“Nama Thai Kuang itu dipilih sendiri oleh mendiang bapa saya yang bermaksud cahaya

terang.

“Mungkin disebabkan harga buku dan alat tulis yang berpatutan dan servis yang baik membuatkan kita bertapak begitu lama dan menjadi pilihan sehingga tiga generasi penduduk di Melaka,” katanya.

Dalam pada itu, Maria berkata, kedai buku itu kini dalam proses menghabiskan semua stok yang ada di kedai itu dengan menawarkan diskon sehingga 80 peratus sebelum menutup operasi buat selama-lamanya.

ORANG MELAKA BERDUKA

Pengakhiran legasi Kedai Buku Thai Kuang nyata meninggalkan rasa mendalam buat rata-rata penduduk di negeri ini.

Seorang pengunjung tetap, Zaleha Aji, 44, mengakui terkilan apabila kedai yang kerap dikunjungi ketika masih kecil dahulu bakal tinggal sejarah.

Suri rumah dari Ayer Molek itu berkata, kedai tersebut menjadi tempat untuknya mendapatkan pelbagai buku sekolah sejak kecil hingga dewasa dan ia terus menjadi kedai buku pilihan untuk anak-anaknya.

“Memang rasa terkilan sangat. Kedai ini sentiasa jadi pilihan orang Melaka kerana banyak pilihan buku yang sukar didapati di kedai buku lain.

“Kini sudah tiga generasi keluarga saya membeli buku di sini bagi saya sangat sanggup, tapi kita faham sekarang semua di hujung jari,” katanya yang ditemui di kedai buku itu.

Tinjauan Melaka Hari Ini di laman Facebook turut mendapat ramai rakyat yang turut berkongsi rasa sedih mereka.

Norleza Ab Ghani dalam komennya di kumpulan Facebook Melaka Dulu-dulu berkata, kedai itu dianggap nostalgia untuknya kerana selalu dibawa oleh arwah bapanya suatu ketika dahulu.

Bahrin Tahir pula berkata, kedai buku itu menjadi antara kedai buku wajib dikunjungi pada era 70-an kerana ia menjual pelbagai jenis buku dan alat tulis.

Nada sedih turut dikongsi Azeery Idris yang menitipkan ucapan terima kasih kepada Thai Kuang kerana menjadi kedai buku kegemarannya sewaktu zaman kanak-kanak.



ANTARA pembeli yang tidak melepaskan peluang mendapatkan bahan bacaan di hari-hari terakhir Kedai Buku Thai Kuang.



DR. SHANKAR GUNARASA

PANTAI HOSPITAL
Ayer Keroh

PERNAHKAH anda merasai bonjolan berbiji di tengah bahagian badan anda? Perlukah anda berasa rungsing dengan bonjolan ini? Kemungkinan besar anda mungkin mempunyai lipoma dan lipoma adalah bonjolan lemak yang timbul di antara kulit dan bahagian otot anda, iaitu di kawasan jaringan lemak.

Lipoma ini tidak merbahaya dan kebiasannya tidak berkanser. Memang jarang untuk lipoma ini menjadi kanser tetapi ia boleh berlaku dalam peratusan yang kecil seperti liposarcoma. Liposarcoma adalah sejenis barah lipoma yang berlaku di jarungn lemak atau istilah perubatan "fat cells". Lipoma ini boleh membesar dan memberi sedikit kesakitan dan juga kesan kosmetik sekiranya tumbuh di kawasan yang terdedah.

Walaupun lipoma ini berlaku dalam jangkauan usia 40 ke 60 tahun, namun ia boleh berlaku pada usia yang lebih muda juga. Golongan wanita lebih kerap menghadapi masalah ini berbanding golongan lelaki. Punca lipoma ini tidak diketahui secara langsung tetapi ia boleh berlaku disebabkan usia dan juga dalam sesetengah sindrom seperti sindrom Cowden atau sindrom Gardner. Lipoma boleh juga berlaku di kalangan pesakit yang mempunyai masalah obesiti atau berkolesterol tinggi.

Lipoma ini boleh timbul di mana-mana bahagian badan seperti di punggung, paha, leher, abdomen dan adakalanya di muka dan kepala.

Ciri-ciri lipoma adalah seperti berikut:

- * Bonjolan ini timbul dan membesar secara lambat
- * Bonjolan ini terasa lembik seperti lemak
- * Mudah untuk digoyangkan dan bergerak
- * Berpotensi tumbuh besar sehingga ke saiz bola ping pong
- * Boleh berlaku lebih dari satu bonjolan di badan

Lipoma juga akan timbul dengan beberapa jenis seperti:

1. Angiolipoma : Bonjolan lemak bercam



pur dengan saluran darah. Ini boleh menyebabkan kesakitan kepada pesakit

2. Lipoma conventional : Lipoma yang

- 3. Fibrolipoma : Bonjolan yang mempunyai kandungan lemak dan juga "fibrous tissue". Tisu fibrous ini adalah terdiri dari gumpulan collagen fiber yang biasanya dilihat di otot, tendon dan ligament.
- 4. Hibernoma: Lipoma jenis ini mengandungi lemak coklat atau "brown fat" berbanding dengan lemak biasa yang berwarna keputihan.
- 5. Myelipoma : Lipoma jenis ini mempunyai kandungan lemak dan tisu yang boleh menghasilkan sel-sel darah.

Bagaimanakah keadaan ini boleh didiagnosikan? Biasanya ia boleh didiagnosikan secara mudah dengan cara klinikal oleh doktor. Sekiranya bonjolan itu besar dan perlu untuk dibedah, ultrasound atau CT scan akan dilakukan, bergantung dengan doktor yang merawat. Jika doktor mengesyaki bonjolan itu ada ciri-ciri kanser seperti liposarcoma, biopsi tisu terpaksa dilakukan.

Bilakah anda perlu melakukan pembedahan untuk lipoma ini? Inilah soalan yang sering diajukan oleh pesakit pesakit saya.


Ianya bergantung kepada beberapa keadaan seperti:

- * Lipoma itu membesar secara mendadak
- * Lipoma tersebut menjadi merah dan menunjukkan tanda-tanda infeksi
- * Lipoma itu memberi kesakitan sehingga mengganggu kerja sehari
- * Lipoma menjadi keras dari biasa dan tidak boleh di gerakkan atau dalam istilah perubatan "fixed"
- * Lipoma adalah kanser seperti liposarcoma

Biasanya rawatan untuk masalah lipoma ini ialah pembedahan dan pembedahan yang sering dilakukan ialah 'excision biopsy' atau 'wide local excision'.

Sekiranya anda perlu mengetahui lebih lanjut bertentangan masalah lipoma ini, anda boleh berhubung dengan saya, **Dr. Shankar Gunarasa, Pakar Bedah Umum, Laparoskopi dan Kolorektal di Pantai Hospital Ayer Keroh Melaka di talian 06 2319999 Samb; 2131**

LIPOMAS



Pacu ekonomi digital di Melaka

Hatten Land, EnjinStarter meterai perjanjian

SINGAPURA – Hatten Land Group yang disenaraikan di Singapura telah memeterai perjanjian dengan Prakal Pte Ltd to bagi membangunkan sistem token dan mewujudkan aset-aset digital, termasuk token '*non-fungible*' (NFT) atau pemilikan eksklusif bagi menggalakkan pembangunan ekonomi digital di Melaka.

Hatten Land Ltd yang mempunyai hotel serta gedung beli-belah di Melaka berkat kerjasama antara anak syarikat milik penuhnya Hatten Technology (S) Pte Ltd dan Prakal (atau dikenali sebagai EnjinStarter) akan menggalakkan pelancongan fizikal dan digital selain aktiviti-aktiviti e-dagang di bandar raya bersejarah Malaysia menerusi teknologi blockchain.

"Projek Digital Melaka bertujuan menjadi pemangkin utama dalam strategi peralihan kami sebagai hab inisiatif blockchain dan digital dalam usaha kami memperkemas pusat beli-belah sedia ada di Melaka," kata Pengurus Eksekutif dan Pengarah Urusan Hatten Land Datuk Colin Tan dalam kenyataan baru-baru ini.

Di bawah perjanjian itu, pihak terbabit akan bekerjasama untuk membangunkan 'metaverse' atau ruang maya dengan persekitaran digital, bermula dengan bandar kembarnya digital bagi Melaka (Digital Melaka).

Kedua-dua pihak akan memanfaatkan satu platform untuk mewujudkan sistem token yang akan menyokong transformasi digital negeri itu dan membolehkan transaksi

dan penerimaan token oleh hotel, pusat tarikan, gedung beli-belah dan premis dengan lebih lancar.

Menurut Hatten Land, projek dengan EnjinStarter akan dimulakan pada pertengahan bulan ini.

Ketua Pegawai Eksekutif merangkap Pengasas Bersama EnjinStarter Prakash Somosundram menyifatkan projek '*metaverse*' tersebut akan membawa dimensi baharu yang membolehkan pihaknya meneroka '*phygital*' – peluang secara luar dan dalam talian.

"Hatten Land merupakan rakan yang berpandangan jauh dan komited untuk menghimpunkan pihak berkepentingan utama dalam menjalin kerjasama dan merasmiaskan projek pertama seumpamanya ini," katanya.

Tempoh awal perjanjian itu adalah selama dua tahun dan boleh diperbaharui secara automatik setiap dua tahun kecuali ia dibatalkan.

EnjinStarter akan turut mewujudkan ibu pejabat serantaunya di Melaka baik secara fizikal dan digital serta secara bersama mengendalikan inkubator permainan maya, pameran permainan blockchain dan arked.

Hatten Group adalah pemilik serta mengendalikan pusat beli-belah dengan gabungan kawasan binaan berkeluasan lebih enam juta kaki persegi di Melaka selain memiliki atau menguruskan empat hotel.



KERJASAMA Hatten Land Ltd dengan EnjinStarter tersebut bakal menggalakkan pelancongan fizikal dan digital selain aktiviti-aktiviti e-dagang di bandar raya bersejarah Malaysia menerusi teknologi blockchain. Gambar fail MHI



KARNIVAL KERJAYA DIGITAL MELAKA CAREERTRANS 2021

16 OKTOBER 2021 (SABTU) | 9:00 PAGI - 5:00 PETANG

"Jom warga Melaka kita daftar KARNIVAL KERJAYA DIGITAL!
Mudah sahaja untuk berdaftar, hanya imbas kod QR tertera"

ANTARA MAJIKAN TERLIBAT:



<https://bit.ly/3lhbBur>



"Melakaku Maju Jaya, Rakyat Bahagia, Menggamit Dunia"

Tipu identiti untuk vaksin

Wanita Indonesia dipenjara sembilan bulan

Faris Haikal Zakaria

AYER KEROH – Seorang wanita operator kilang telur warga Indonesia dan pengurus Pusat Pemberian Vaksin (PPV) masing-masing dihukum penjara sembilan bulan dan denda RM1,700 selepas mengaku bersalah atas pertuduhan berasingan berkaitan penipuan identiti bagi mendapatkan vaksinasi COVID-19.

Majistret Izwan Mohamed Noh menjatuhkan hukuman itu selepas menerima pengakuan bersalah Nela, 29, dan Chong Dee Loong, 52, dan mensabitkan mereka dengan pertuduhan.

Mengikut pertuduhan, Nela didakwa memperdayakan petugas PPV Bayou Lagoon Convention Centre, dengan menggunakan pasport individu lain bernama Siti Aisyah bagi mendapatkan suntikan vaksin.

Kesalahan itu didakwa dilakukan PPV berkenaan di Taman Saujana Bukit Katil, antara 22 Ogos jam 10.08 pagi hingga 12 September lalu, jam 10.54 pagi.

Dia dituduh mengikut Seksyen 419 Kanun Keseksaan, sabit kesalahan boleh dipenjara sehingga tujuh tahun atau denda atau kedua-duanya sekali jika

nya sekali.

Nela juga didapati bersalah mengikut Seksyen 6(1)(c) Akta Imigresen 1953/63 (Pindaan 2002) dan boleh dihukum mengikut Seksyen 6(3) akta sama atas kesalahan masuk Malaysia tanpa permit yang sah.

Sementara itu, Dee Loon, 52, pula didapati bersalah atas pertuduhan gagal memberikan maklumat kehadiran Nela yang disyaki menggunakan pasport individu lain bagi mendapatkan suntikan vaksin COVID-19 kepada pegawai polis.

Bagi kesalahan itu dia yang juga ibu tunggal dituduh mengikut Seksyen 176 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga enam bulan atau denda maksimum RM2,000 atau kedua-duanya sekali.

Dalam prosiding sama, pengurus kilang telur, Yong Yeow Ming, 50, tidak mengaku bersalah mengikut Seksyen 109 Kanun Keseksaan dan dibaca bersama Seksyen 419 iaitu bersabahat menipu petugas di PPV berkenaan hingga mendorong suntikan diberikan kepada Nela.

Seksyen itu memperuntukkan hukuman penjara tujuh tahun atau denda atau kedua-duanya sekali jika

sabit kesalahan.

Yeow Ming juga didapati telah memberarkan dua warga asing iaitu Helmi Rinaldi dan Nela yang merupakan migran haram masuk ke premis Yong Yew Farm Sdn. Bhd, Bukit Beruang, pada jam 12.30 tengah hari, 15 September lalu.

Dia didakwa mengikut Seksyen 55E Akta Imigresen 1959/63 dan

boleh dihukum di bawah Seksyen 55E(2) akta sama.

Mahkamah kemudian menjatuhkan hukuman penjara sembilan dan tiga bulan terhadap Nela atas kesalahan menipu identiti dan imigresen masing-masing bermula dari tarikh ditangkap 15 September manakala Dee Loon didenda RM1,700.

Pendakwaan kes dilakukan Timbalan Pendakwa Raya Fiqri Hakim Zamri manakala Dee Loon dan Yeow Ming masing-masing diwakili peguam, Kent Tan Chiw Teng dan Aider Chan Chee Yuan.

Mahkamah juga membenarkan Yeow Ming diikat jamin RM5,000 dan menetapkan 10 November depan sebagai sebutan semula kes.



NELA (dua kiri) dijatuhi hukuman penjara sembilan bulan atas kesalahan guna identiti orang lain untuk vaksin. **Dee Loon** (dua kanan) didenda RM1,700.

IKLANEKA



PILIHAN RUANG
PENGIKLANAN
YANG BIJAK!

Hubungi :

06 251 9315 / 018 329 9936



www.melakahariini.my



Melaka Hari Ini



**Serendah
RM50
Sahaja!!**



AUTOMOTIF

Kereta
Motorsikal
Trak
Bas
Lori



HARTANAH

Perumahan
Rumah Kedai
Lot Tanah



KERJAYA

Sepenuh masa
Separuh masa
Latihan
Skim Graduan



KLASIFIKASI AM

Perkhidmatan
Kecantikan
Kesihatan
Perabot



NOTIS

Lelongan
Guaman
Kewangan
Tender
Notis Am

Peruntukan RM15,000 wujud Brigid Seni Dondang Sayang

Liana Sahabudin

BUKIT BARU – Jabatan Kesenian dan Kebudayaan (JKKN) memperuntukkan RM15,000 bagi mewujudkan Brigid Seni Dondang Sayang di Asrama Akhlak Bukit Baru, di sini.

Penasihat Persatuan Dondang Sayang Melaka, Datuk Akramuddin Abd Aziz berkata, usaha itu menjadi platform kepada generasi muda khususnya penghuni di asrama tersebut untuk mencebur ke dalam kesenian.

"Pasukan Kebajikan Kanak-Kanak Daerah Melaka Tengah melalui biro kesenian akan mewujudkan satu kumpulan dondang sayang."

"Alhamdulillah JKKN telahpun memberikan peruntukan sebanyak RM15,000 untuk kita mengadakan brigid kesenian dondang sayang ini."

"Bagi saya ini adalah satu perkara yang harus diwarisi oleh generasi akan datang, kalau kita tak buat sekarang bila lagi nak buat," katanya.

Beliau berkata demikian selepas Program Dondang Sayang di Asrama Akhlak Bukit Baru di sini, pada 1 Okt lepas.

Jelasnya, beliau juga telah bersetuju untuk mewujudkan pasukan dondang sayang dan mendapat kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat Melaka.

"Satu hari nanti apabila mereka keluar

daripada sini, mereka akan membawa balik ilmu yang telah dipelajari untuk masa hadapan."

"Ini secara tidak langsung memperluaskan dondang sayang sekali gus mengingatkan rakyat di luar sana agar jangan lupukan tentang kesenian ini."

"Peruntukan itu juga akan digunakan untuk mengadakan bengkel dan membeli peralatan, kalau tidak cukup pun InsyaAllah sebagai pengurus kita akan ikhtiar untuk mendapatkan peruntukan lagi," katanya.

Katanya setakat ini terdapat seramai 19 penghuni di tersebut yang mana dua orang daripadanya adalah bangsa India.

"Kita minta mereka semua untuk terus



mempelajari seni warisan dondang sayang ini.

"Pada hari ini juga kita memberi anguerah cermerlang ke-

pada pelajar-pelajar ini di samping memperkenalkan dondang sayang kepada mereka," katanya lagi.

Hadir sama Ketua Pengarah Jabatan JKKN Mesran Mohd Yusop dan Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Melaka, Burhanuddin Bachik.

'Kejut ibu 5.30 pagi tak sabar nak sekolah'

AYER KEROH – "Anak memang semangat nak sekolah hingga tadi dia bangun jam 5.30 pagi dan kejut saya untuk pergi sekolah," kata Azlizah Zainal, ibu kepada murid berkeperluan khas (MBK) di Sekolah Kebangsaan (SK) Tun Syed Ahmad Shahabudin.

Azlizah, 43, ketika ditemui berkata, anaknya Muhammad Muazzam Saiful Nizam, 9, sudahpun membuat persiapan awal untuk ke sekolah.

"Semalam (3 Okt) dia dah kemas baju semua sebab dah lama tak sekolah, pagi tadi (4 Okt) dia bangun awal 5.30 pagi dan kejut saya cakap nak mandi nak sekolah."

"Saya siapkan dia semua lepas tu solat, sarapan sikit kemudian terus hantar ke se-



AZLIZAH

kolah.

"Hari ini (4 Okt) saya ambil cuti sebab nak hantar dia, anak masuk pendidikan khas bahagian intelektual dan mata dia tak berapa nampak," katanya yang bekerja sebagai jururawat.

Mohd Zulfadli Kamaru-

din, 40, pula berkata, biarpun anaknya Muhammad Adam Mohd Zulfadli, 9, adalah kanak-kanak autisme, namun semangat untuk ke sekolah tidak pernah luntur.

"Alhamdulillah, anak tiada masalah bangun pagi, mandi awal dan bersemangat nak ke sekolah sebab lepas raya hari itu tak sekolah."

"Dia cakap dah bosan duduk rumah nak jumpa cikgu dan kawan-kawan semua."

"Jika ditanya kerisauan dalam waktu pandemik, saya rasa tiada masalah sebab pendidikan khas ni murid tak ramai dan prosedur operasi standard (SOP) sekolah pun sangat ketat," katanya.

Sementara itu, Mohd Ilham Iberahim, 42, pula berkata, anaknya, Areef Isqandar Mohd Ilham, 8, kelihatan

sedikit gementar untuk ke sekolah selepas enam bulan belajar di rumah.

"Areef sudah enam bulan tidak bersekolah, jadi dia gembira dan tidak sabar

muahu ke sekolah

"Tapi sebelum sampai sekolah, dia ada cakap berdebar sikit sebab sebelum ini dia sekolah swasta, jadi kali ni dia kena jumpa cikgu dan

kawan baru.

"Dia pertama kali nak masuk jadi banyak benda dia kena tahu dan saya dah terangkan di mana nak makan, tandas semua," katanya.



A Member of MMC Group

KENYATAAN TAWARAN

Tawaran adalah dipelawa daripada Syarikat/Firma Tempatan yang berkelayakan dan berpengalaman untuk melaksanakan kerja-kerja berikut:

NO.	TAJUK/NO. TAWARAN	PENDAFTARAN	HARGA DOKUMEN TAWARAN	LAWATAN TAPAK/TAKLIMAT TAWARAN	TARIKH & MASA TENDER DITUTUP
1.	TENDER NO. TBP/3/2021 UPGRADING THE EXISTING OPEN YARD INTO CONTAINER YARD AT TANJUNG BRUAS PORT, TANJUNG KLING, MELAKA.	Berdaftar Dengan Tanjung Bruas Port Sdn Bhd	Harga Dokumen Tawaran: RM1,000.00 senaskahah (Tidak Dikembalikan) Deposit Tawaran: RM5,000.00	Taklimat Tarawan akan diadakan pada 15 Oktober 2021 (Jumaat) pada puluh 10.00 pagi bertempat di Bilik Mesyuarat, Pejabat Pentadbiran, Tanjung Bruas Port Sdn Bhd, Tanjung Kling, Melaka.	Dokumen Tawaran dijual pada 11 Oktober 2021 (Isnin) sehingga 20 Oktober 2021 (Rabu). Tarikh tutup tawaran pada 29 Oktober 2021 (Jumaat) @ 12.00 tengah hari.

Dokumen tawaran boleh disemak dan diperolehi pada waktu pejabat dari Pejabat Pentadbiran, Tanjung Bruas Port Sdn Bhd, 76400 Tanjung Kling, Melaka. Bayaran hendaklah dibuat secara Tunai atau Cashier's Order/Bank Draft atas nama Tanjung Bruas Port Sdn Bhd. Permohonan melalui pos tidak akan dilayan.

Dokumen tawaran hanya akan dikeluarkan kepada wakil Syarikat/Firma yang sah sahaja.

Deposit Tawaran bernilai **RM5,000.00** perlu disertakan dalam bentuk Cashier Order, Draf Bank atau Jaminan Bank. Dokumen tawaran dan Deposit Tawaran yang telah lengkap diisi hendaklah dialamatkan kepada **Pejabat, Jawatankuasa Tawaran, Tanjung Bruas Port Sdn Bhd, 76400 Tanjung Kling, Melaka** dan hendaklah dimasukkan ke dalam kotak tawaran yang disediakan di **Pejabat Pentadbiran, Tanjung Bruas Port Sdn Bhd, Tanjung Kling, Melaka**.

Sebarang pertanyaan dan keterangan lanjut berhubung dengan tawaran ini bolehlah menghubungi **Jabatan Perolehan, Tanjung Bruas Port Sdn Bhd (UP: Ms Kartini Shafie)** menerusi nombor telefon **019-7070492**.



SEKOLAH mula dibuka bagi murid MBK dan pelajar tingkatan enam pada 4 Okt lepas.

Dhabitah fokus pelajaran, kerjaya

ATLET terjun negara Nur Dhabitah Sabri akan berusaha untuk menyeimbangkan aspek pembelajaran dan kerjaya sebagai atlet selepas menyambung pengajian dalam jurusan Sarjana Muda Komunikasi Media di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi, Selangor.

Biarpun dijangka berdepan jadual padat pada tahun depan, atlet berusia 22 tahun itu menjelaskan bahawa beliau akan berbincang bersama jurulatih dan pensyarah supaya tumpuannya dalam kedua-dua aspek itu tidak terjejas.

"Saya akan berbincang dengan jurulatih saya khususnya mengenai jadual kelas di UKM. Saya juga tidak mahu ketinggalan dalam pendidikan. Pada akhirnya, pendidikan adalah amat penting bagi saya," katanya dalam sidang media secara maya selepas menghadiri Majlis Amanat Naib Canselor Minggu Mesra Mahasiswa UKM baru-baru ini.

Nur Dhabitah dijadual mewakili negara dalam Sukan Komanwel 2022 di Birmingham, United Kingdom, Sukan Asia 2022 di Hangzhou, China serta beberapa kejohanan antarabangsa lain pada tahun depan.

Terdahulu, penerjun itu turut diberi penghormatan mengetui bacaan ikrar baharu UKM bagi sesi akademik 2021/2022.

Nur Dhabitah berkata beliau mendaftar untuk melanjutkan pengajian di UKM menerusi sijil Pentaulihan Pembelajaran Berdasarkan Pengalaman Sebelumnya (APEL) yang mengambil kira pengalaman terdahulu seseorang individu.

Beliau yang menamatkan saingan dalam acara terjun papan anjal 3 meter (m) individu akhir di tempat keempat pada Sukan Olimpik Tokyo baru-baru ini, memilih UKM kerana yakin dengan persekitaran kondusif yang ditawarkan institusi pengajian tinggi itu.-BERNAMA



DHABITAH

JDT sambung kontrak Shane Lowry

KELAB bola sepak Johor Darul Ta'zim (JDT) menyambung kontrak pemain pertahanan kelahiran Australia pasukan itu, Shane Lowry selama dua tahun lagi.

Pengarah teknikal JDT Alistair Edwards berkata Lowry merupakan pemain yang hebat dan menunjukkan prestasi yang memberangsangkan selama enam bulan kontraknya dengan JDT.

"Beliau pada awalnya menandatangani kontrak selama enam bulan dan jelas sekali beliau telah menunjukkan prestasi yang sangat baik kepada kelab.

"Hari ini (4 Okt) secara rasminya majlis menandatangani kontrak untuk menyambung kontrak selama dua tahun lagi," katanya kepada pemberita di ibu pejabat JDT pada 4 Okt lepas.

Sementara itu, Lowry berkata beliau gembira untuk terus terikat dengan pasukan Harimau Selatan itu dan mengucapkan terima kasih kepada Tunku Mahkota Johor Tunku Ismail Sultan Ibrahim, yang juga pemilik JDT atas peluang yang diberikan itu.

"Sebaik sahaja saya mendengar JDT berminat,

saya ingin menyertai pasukan itu kerana JDT mempunyai paket yang lengkap.

"Saya hanya mempamerkan kelebihan dan prestasi diri. Mesti bekerja keras mulai sekarang kerana masih banyak yang perlu diperbaiki lagi," katanya.

Ketua Jurulatih JDT Benjamin Mora pula berkata bahawa beliau gembira dengan kehadiran Lowry di padang kerana beliau sentiasa mempunyai azam untuk menang.

"Secara keseluruhannya, beliau merupakan pemain yang hebat sama ada secara teknikal, taktik maupun fizikal.

"Beliau mempunyai pemikiran yang hebat dan kita dapat memanfaatkan kelebihan pemain tengah kiri seperti dia. Jadi pihak pengurusan telah membuat keputusan yang betul dalam membawa masuk beliau," katanya.

Lowry, 31, pernah bermain bersama beberapa kelab Inggeris seperti Leeds United, Sheffield United, Millwall dan Leyton Orient, selain pernah bermain untuk pasukan Australia, Perth Glory dalam Liga A.- BERNAMA



LOWRY (kiri) bersalaman dengan Edwards (kanan) selepas menandatangani kontrak selama dua tahun lagi bersama JDT. Foto sumber FB JOHOR Southern Tigers

Pang Ron-Yee See mampu terus catat kejayaan - Peng Soon

MASA hadapan yang cerah menanti pasangan beregu campuran negara Hoo Pang Ron-Cheah Yee See, itulah dinyatakan pemenang pingat perak Olimpik Rio 2016 Chang Peng Soon selepas melihat prestasi mereka pada penyertaan pertama di Piala Sudirman baru-baru ini.

"Saya bagi lapan daripada 10 mata atas prestasi mereka di Piala Sudirman. Saya percaya mereka mempunyai masa hadapan yang cerah dalam badminton jika dapat mengekalkan prestasi mereka seperti di Vantaa, Finland," katanya kepada Bernama baru-baru ini.

Pang Ron-Yee See mencipta kejutan dengan memenangi dua perlawanan menentang dua pasangan beregu campuran berdedikan 10 terbaik dunia pada kejohanan berpasukan itu yang berlangsung di Energia Areena.

Selain merupakan pasangan muda, Peng Soon berkata, pasangan dinamik itu memiliki kekuatan yang tinggi, kelajuan dan skil yang mengagumkan di dalam gelanggang itu mampu menjadi pasangan dunia yang terbaik satu masa nanti.

Pasangan ke-25 dunia itu mengalahkan pasangan ketujuh dunia Marcus Ellis-Lauren Smith, 21-19, 21-18, bagi membolehkan Malaysia menewaskan England 3-2 pada perlawanan pembukaan Kumpulan D.

Walaupun tewas 21-16, 21-9 kepada Yuta Watanabe-Arisa Higashino, pada ketika skuad negara tewas kepada Jepun 1-4, namun ia tidak menghalang pasangan itu

melakukan satu lagi kejutan pada perlawanan seterusnya.

Dalam perlawanan suku akhir yang sensitif berhadapan musuh tradisi Indonesia,



PASANGAN beregu campuran negara, Pang Ron-Yee See mempunyai masa depan cerah untuk terus catat kejayaan.

Pang Ron-Yee See menjadikan Praveen Jordan-Melati Daeva Oktavianti sebagai mangsa mereka, dengan mengalahkan pasangan nombor empat dunia itu 21-19, 9-21, 21-6, yang memberikan mata kemenangan kepada Malaysia.

Malaysia mencatatkan kemenangan pertama mereka terhadap salah satu pasukan pilihan kejohanan 3-2, selepas tiga pertemuan sejak tewas 1-4 kepada Indonesia pada pertemuan pertama peringkat kumpulan pada edisi 1999 di Copenhagen, Denmark.

Bagaimanapun Peng Soon yang berpasangan dengan Goh Liu Ying, mengingatkan Pang Ron-Yee See bahawa penting untuk mereka tahu bagaimana mengendalikan tekanan dalam mana-mana pertandingan selaras ini.

"Saya tahu ia agak sukar untuk dilakukan, kerana mereka telahpun menarik perhatian ramai selepas prestasi baik mereka di Finland. Saya amat berharap mereka akan terus meningkat dengan berhadapan tekanan dengan baik," katanya.

Pang Ron-Yee See yang pertama kali dipasangkan pada 2017, setakat ini telah memenangi tiga gelaran iaitu Terbuka Hyderabad Super 100, Cabaran Antarabangsa India dan Cabaran Terbuka Bangladesh dengan kesemuanya pada 2019.- BERNAMA



JDT sambung kontrak
Shane Lowry 23

Sukan

MELAKA HARI INI

Dhabitah
fokus
pelajaran,
kerjaya
23



ZAINAL pasang impian untuk pimpin Melaka United FC ke final Piala Malaysia.



PEMAIN Melaka United FC kian bersemangat selepas pamer aksi cemerlang dalam dua perlawanan Piala Malaysia sebelum ini.

Zainal impi bawa Melaka ke final

Mohamad Fazrul Abdul Majid
Foto kredit FB Melaka United FC

KETUA Jurulatih Kelab Bolasepak Melaka United (Melaka United FC), Zainal Abidin Hassan memasang impian untuk menjadi jurulatih pertama yang berjaya membawa skuad Hang Tuah ke pentas final Piala Malaysia.

Beliau yang pernah memenangi piala keramat itu sebanyak tujuh kali sebagai pemain dan jurulatih nyata tidak mahu melupakan peluang mencipta sejarah baharu itu memandangkan pencapaian terbaik Melaka United sebelum ini hanyalah sehingga peringkat suku akhir sahaja.

Berbekalkan dua kemenangan awal dalam aksi peringkat kumpulan C pada saingan tahun ini, Zainal nyata enggan menoleh kebelakang lagi dan serius mahu mencipta kejutan yang sudah lama diimpikan penyokong Hijau Putih.

"Memang Piala Malaysia ini menjadi idaman semua pemain dan setiap jurulatih, semua orang mengidamkan untuk berada di pentas final kerana ini adalah piala terakhir untuk dimenangi pada setiap musim, lagi-lagi bersempena ulang tahun ke-100.

"Sekarang, saya tidak nafikan niat saya memang untuk membuat sejarah itu bersama Melaka United pula dan mereka pula tidak pernah lagi beraksi sehingga ke final.

"Jadi saya akan cuba sedaya upaya untuk membawa sejauh mana Melaka United akan dapat pergi dalam saingan ini," katanya

dalam wawancara bersama Malaysian Football League (MFL).

Mengulas mengenai saingan peringkat kumpulan yang bakal bersambung semula 29 Okt ini, Zainal mengakui semangat pasukannya semakin membara apabila pemain tonggaknya, Ahmad Syamim Yahya disahkan sudah pulih daripada kecederaan dan boleh kembali beraksi.

Katanya, kehadiran pemain berusia 31 tahun yang erpaska disisihkan sejak Julai lalu diyakini mampu memperkuatkan lagi pasukan bagi mengharungi baki empat lagi perlawanan peringkat kumpulan.

"Alhamdulillah, Syamim akan kembali beraksi cuma saya masih kehilangan Gary yang tidak dapat beraksi hingga habis musim, jadi sedikit sebanyak dengan adanya semula Syamim selepas ini akan dapat memperkuatkan lagi pasukan.

"Sekarang yang penting adalah program perancangan dari pada sekarang hingga perlawanan ketiga untuk tempoh cuti yang panjang ini, dan inilah masa untuk pemainkekalkan momentum mereka.

"InsyaAllah kami akan adakan perlawanan persahabatan selepas ini dan saya sentiasa ingatkan pemain-pemain untuk kekalkan prestasi yang mereka telah tunjukkan," ujarnya.

Untuk rekod, Melaka United FC kini muncul pendahulu kumpulan C Piala Malaysia 2021 selepas mengutip enam mata, hasil kemenangan ke atas Negeri Sembilan FC dan Kedah Darul Aman FC.

KUMPULAN C			
	P	GD	PTS
1 MELAKA UNITED FC	2	4	6
2 KEDAH DARUL AMAN FC	2	1	3
3 NEGERI SEMBILAN FC	2	-1	3
4 KELANTAN UNITED FC	2	-4	0

JADUAL PERLAWANAN

29 Oktober | 9.00 malam
Stadium Hang Jebat

MELAKA UNITED FC vs KELANTAN UNITED FC

www.melakahariini.my Melaka Hari Ini Melaka TV
Sumber: Facebook Melaka United Football Club